


MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .



1009



ANDARTU  
TUMPUAN KAJIAN DI NEGERI PERLIS

OLEH:


HASLINA BT. HJ. HASSAN  
NO. MATRIK : 57266

000000

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH  
SARJANA MUDA SASTERA DALAM  
ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1991/92



Ku Abadikan Tesis Ini Untuk :

Mak dan Papa,

Ku hargai segala pengorbananmu  
selama ini.

Kak Shimah, Abang Khir, Kak Liza dan  
Abang Zaini,

Terima kasih di atas sokongan  
dan dorongan.

Anak-anak saudaraku,

Amar, Afiq dan Sarah.

Mak cik, Pak cik, Azu dan Det,

Budi kalian tetap dikenang.

Khas buat Ann,

Semoga kejayaan dan kebahagiaan  
menjadi milik bersama.

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, pengkaji ingin mengucapkan terimakasih kepada penyelia, Prof. Madya Hadi Zakaria kerana memberikan tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Penolong Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Kependudukan, LPPKN, En. Abd. Rahim Hassan, Dr. Rano Mukherjee (Pengarah LPPKN Kedah/Perlis dan Ms. Palani (Pembantu proses data) yang memberikan kerjasama kepada pengkaji semasa kajian ini dijalankan.

Selain daripada itu, pengkaji terhutang budi kepada En. Ann Wan Seng yang banyak memberikan teguran dan sokongan sehingga sempurnanya tesis ini. Pengkaji juga menghargai kesudian responden-responden untuk ditemubual dan kepada En. Chung Cheng Hoe yang telah bersusah payah menaipkan manuskrip tesis ini.

Akhir sekali, untuk teman sebilikku, Kazue Hori yang memahami dan sering menggembirakan ku serta rakan-rakan di Jabatan Antropologi Dan Sosiologi yang telah sama-sama merasai segala suka duka dalam menyiapkan tesis masing-masing.

'Jasa baik semua tetap dikenang'

## SINOPSIS

Kajian ini adalah mengenai wanita yang lewat berkahwin di negeri Perlis.

Dalam Bab I, diuraikan tujuan dan bidang kajian, kepentingan kajian, metode penyelidikan dan masalah-masalah yang dihadapi dalam mengumpul data serta definisi mengenai konsep yang digunakan.

Bab II menyentuh tentang latarbelakang responden, termasuk sendiri, persekitaran sosial dan aktiviti sosial mereka.

Bab III melihat pandangan responden dan masyarakat umum terhadap nilai dan jangkaan perkahwinan dari aspek sosio-ekonomi, tahap umur dan pemilihan pasangan.

Bab IV pula adalah mengenai pandangan responden dan masyarakat umum terhadap unsur-unsur diskriminasi, prasangka dan stigma sosial. Selain daripada itu, penyesuaian responden ke atas unsur-unsur tersebut juga diperhatikan.

Bab V merupakan kesimpulan yang membentangkan faktor-faktor wanita lewat berkahwin dan penyelesaian kepada masalah itu.

## ISI KANDUNGAN

	<u>MUKA SURAT</u>
PENCHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
BAB I :       PENDAHULUAN	1 - 22
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian	
1.2 Kepentingan Kajian	
1.3 Lokasi	
1.4 Metodologi Penyelidikan	
1.4.1 Golongan Yang Dikaji	
1.4.2 Teknik Persampelan	
1.4.3 Kaedah Mengumpul Data	
a) Soalselidik	
b) Temubual	
c) Rujukan Perpustakaan	
1.5 Masalah Dalam Pengumpulan	
1.6 Konsep Andartu	
BAB II :       LATARBELAKANG SOSIO-EKONOMI RESPONDEN	23 - 48
2.0 Pendahuluan	
2.1 Latarbelakang Responden	
2.1.1 Umur	
2.1.2 Tempat Asal	
2.1.3 Pendidikan	
2.1.4 Pekerjaan Dan Pendapatan	

- 2.1.5 Latar belakang Keluarga Responden
- 2.2 Kendiri Responden
  - 2.2.1 Sifat
  - 2.2.2 Perawakan
  - 2.2.3 Kekuatan Beragama
  - 2.2.4 Pengalaman Bercinta
- 2.3 Persekitaran Sosial Responden
  - 2.3.1 Persekitaran Tempat Tinggal
  - 2.3.2 Persekitaran Tempat Kerja
- 2.4 Aktiviti Sosial

**BAB III PANDANGAN RESPONDEN DAN MASYARAKAT UMUM TERHADAP NILAI DAN JANGKAAN PERKAHWINAN**

49 - 82

- 3.0 Pendahuluan
- 3.1 Pandangan Responden Terhadap Nilai Dan Jangkaan Perkahwinan
  - 3.1.1 Nilai Perkahwinan
  - 3.1.2 Adakah Perkahwinan Merupakan Suatu Eksploitasi Terhadap Wanita ?

- 3.1.3 Kenapa Responden Hidup Membujang ?
- 3.1.4 Pandangan Responden Terhadap imej Kendiri
- 3.1.5 Tahap Umur Yang Sesuai Untuk Wanita Berkahwin
- 3.1.6 Pemilihan Pasangan
- 3.1.7 Kriteria Pasangan Yang Dipilih Oleh Responden
- 3.2 Pandangan Masyarakat Terhadap Nilai Dan Jangkaan Perkahwinan
  - 3.2.1 Nilai Perkahwinan
  - 3.2.2 Andaian Masyarakat Terhadap Wanita Yang Lewat Berkahwin
  - 3.2.3 Tahap Umur Yang Sesuai Untuk Wanita Berkahwin
  - 3.2.4 Pengaruh Umur Dan Kedudukan Sosio-Ekonomi Dalam Perkahwinan
- 3.3 Kesimpulan

**BAB IV**

**PANDANGAN RESPONDEN DAN MASYARAKAT TERHADAP UNSUR-UNSUR DISKRIMINASI, PRASANGKA DAN STIGMA SOSIAL DAN PENYESUAIAN RESPONDEN KE ATAS UNSUR-UNSUR TERSEBUT**

- 4.0 Pendahuluan
- 4.1 Stigma
  - 4.1.1 Apa Itu Stigma ?
  - 4.1.2 Bagaimana Stigma Berlaku?
  - 4.1.3 Kesan Stigma
- 4.2 Unsur-Unsur Prasangka Dan Stigma
  - 4.2.1 Pandangan Responden Terhadap Unsur-Unsur Prasangka Dan Stigma
  - 4.2.2. Pandangan Masyarakat Terhadap Kesan-Kesan Lewat Berkahwin
- 4.3 Perbezaan Sikap Dan Diskriminasi Masyarakat Terhadap Lelaki Dan Wanita Lewat Berkahwin
- 4.4 Pandangan Responden Terhadap Golongan Yang Mempunyai Prasangka Terhadap Wanita Yang Lewat Berkahwin
- 4.5 Penyelesaian Responden Terhadap Unsur-Unsur Diskriminasi, Prasangka Dan Stigma

## 4.6 Kesimpulan

BAB V : Kesimpulan 116 - 136

## 5.0 Pendahuluan

## 5.1 Faktor-Faktor Lewat Kahwin

## 5.1.1 Sosio-Ekonomi

## 5.1.2 Kejiwaan

## 5.1.3 Budaya

## 5.1.4 Aqama

## 5.2 Penyelesaian

## 5.2.1 Poliqami

## 5.2.2 Wanita Meminang Lelaki

5.2.3 Mas Kahwin Dan Wang  
Hantaran Yang Rendah

## 5.2.4 Jodoh Melalui Komputer

## 5.3 Rumusan

## BIBLIOGRAFI

## LAMPIRAN-LAMPIRAN

## SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 : Kedudukan Mukim, Kampung Dan Bilangan Responden Di Negeri Perlis.
- Jadual 1.2 : Peratusan Wanita Yang Tidak Berkahwin Mengikut Kumpulan Umur Dan Kumpulan Etnik Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1980.
- Jadual 1.3 : Peratusan Taburan Mengikut Umur Wanita Yang Dianggap Sebagai 'Anak Dara Tua' Berdasarkan Kumpulan Etnik Di Semenanjung Malaysia (1982).
- Jadual 1.4 : Penduduk Perlis Berumur 15 Tahun Dan Ke Atas Mengikut Kumpulan Umur, Kumpulan Etnik, Taraf Perkahwinan Sekarang Dan Jantina 1980.
- Jadual 2.1 : Taburan Umur Responden.
- Jadual 2.2 : Tempat Asal Responden.
- Jadual 2.3 : Tahap Pendidikan Responden.
- Jadual 2.4 : Jenis Pekerjaan Responden.
- Jadual 2.5 : Pendapatan Bulanan Responden.
- Jadual 2.6 : Pekerjaan Ibubapa Responden.
- Jadual 2.7 : Pendapatan Ibubapa Responden.
- Jadual 2.8 : Kedudukan Responden Dalam Keluarga.
- Jadual 2.9 : Corak Perkahwinan Dalam Keluarga Responden.
- Jadual 2.10 : Sifat Responden.
- Jadual 2.11 : Kedudukan Responden Dalam Hubungan Dengan Teman Lelaki.
- Jadual 2.12 : Sebab-Sebab Responden Tidak Mempunyai Teman Lelaki.

- Jadual 2.13 : Alasan Responden Memutuskan Perhubungan Dengan Teman Lelaki.
- Jadual 2.14 : Tempat Tempat Responden.
- Jadual 2.15 : Kawasan Tempat Kerja Responden.
- Jadual 2.16 : Taburan Bilangan Rakan Sekerja Responden.
- Jadual 2.17 : Kekesangan Interaksi Dengan Rakan-Rakan Sekerja Wanita.
- Jadual 2.18 : Aktiviti Sosial Responden Di Masa Lapang.
- Jadual 2.19 : Organisasi Yang Diurus Oleh Responden.
- Jadual 3.1 : Alasan Responden Budip Membujang.
- Jadual 3.2 : Kriteria Utama Pasangan Yang Dipilih Oleh Responden.
- Jadual 3.3 : Pandangan Masyarakat Terhadap Wanita Yang lewat Berkahwin.
- Jadual 4.1 : Pendapat Responden : Keadaan Yang Menimbulkan Sindiran.
- Jadual 4.2 : Golongan Yang Mempunyai Prasangka Terhadap Responden.
- Jadual 4.3 : Reaksi Responden Apabila Masyarakat Menginsatkan Tentang Usia Dan Perkahwinan.
- Jadual 4.4 : Perasaan Responden Bila Rakan-Rakan Sebaya Sudah Berkahwin.

## FENOMENA

berkahwin. Walau bagaimanapun bagi kaum perempuan bukannya demikian yang menyenangkan. Bagi seorang perempuan yang sudah mencapai umur 21 tahun, tetapi masih belum menemui jodoh, ia sudah dianggap agak lewat dan amat merisaukan. Gadis tersebut berkemungkinan menerima tuduhan sebagai anak gadis yang 'tidak laku'. Fenomena seperti ini dijelaskan oleh Tan Boo Chang (1986 : 157);

"The feeling of the female respondents toward a female who is 30 and still single seems to include pity and social nonacceptance such females are not loose or will bring shame to the family".

Di Semenanjung Malaysia, peratus wanita yang tidak berkahwin pada umur 30 hingga 34 tahun meningkat daripada 5.6% pada tahun 1970, menjadi 10.1% pada tahun 1980 (population census : 1980).

Umur purata perkahwinan bagi wanita telah meningkat dengan cepat berbanding dengan tahun-tahun terdahulu, di mana wanita yang berkahwin pada kumpulan umur 15-19 tahun telah berkurangan. Hanya 6 daripada

100 orang gadis dalam kumpulan umur tersebut telah berkahwin pada tahun 1984 (Hamid Arshad, Tan Boon Ann, Poy Nai Peng, M. Subbiah, 1988 : 38).

Peningkatan umur purata perkahwinan ini menunjukkan sikap setengah wanita yang masih terus hidup membujang. Sikap terlalu memilih selalu dikaitkan sebagai punca wanita lewat berkahwin. Mereka tidak akan menerima lelaki yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berkedudukan tinggi, berharta, kacak dan berfanggungjawab.

Wanita yang mempunyai cita-cita tinggi mungkin memastikan harapan mereka tercapai terlebih dahulu sebelum berumahtangga. Golongan ini sukar untuk mendapat pasangan kerana lelaki yang rendah pendidikannya takut untuk melamar wanita-wanita seperti ini.

Kepuasan dalam kerjaya dan keutuhan dalam ekonomi mereka menyebabkan wanita mengambil sikap yang dingin terhadap persoalan perkahwinan.

Sesetengah wanita menjadi 'anak dara tua' kerana sikap mereka yang tidak mempercayai lelaki setelah dikecewakan atau putus tunang. Mereka bimbang perkara yang sama akan berulang dan kebahagiaan rumahtangga

tidak dapat dikecapi sekiranya mereka berkahwin.

Perbelanjaan dan bayaran mas kahwin yang tinggi juga mempunyai pengaruh dalam melahirkan gejala kahwin lewat ini. Misalnya, terdapat abubapa yang tidak merelakan anak-anak mereka dikahwinkan dengan pemuda yang tidak berharta dan setaraf dengannya serta tidak mampu menyediakan hantaran yang berharga.

Selain daripada itu budaya masyarakat yang memandang serong terhadap kebebasan bergaul di kalangan pemuda dan pemudi juga menjadi faktor berlakunya kes-kes kahwin lewat. Ini adalah kerana wanita yang dididik di bawah lingkungan suasana sebegini, dikongkong kebebasannya. Pergaulan mereka setakat di dalam rumah sahaja di mana hanya menunggu orang masuk meminang. Bagi yang bernasib baik, penantiannya akan berakhir dengan perkahwinan. Manakala yang tidak bernasib baik, mereka akan terus menunggu tanpa menyedari usia semakin lanjut.

### 1.1 Tujuan Dan Bidang Kajian.

Kajian ini bertujuan mencari faktor-faktor yang membawa berlakunya gejala kahwin lewat dan kesan-kesannya. Untuk itu, gaya hidup mereka diteliti dari berbagai aspek terutama ekonomi dan sosial. Kedua-dua aspek ini mempunyai pengaruh ke atas keputusan, buah fikiran dan perubahan sikap mereka terhadap

perkahwinan.

Melalui kajian ini, pengkaji mendapatkan pandangan masyarakat umum terhadap imej sendiri golongan yang dikaji dengan menyelidiki samada masih wujud petunjuk-petunjuk kepada stigma sosial dan prasangka yang dikenakan kepada mereka. Pengkaji akan cuba memaparkan kewujudan unsur-unsur ini dan dihubungkan dengan penyesuaian yang dilakukan oleh mereka.

Pendapat yang diberikan oleh responden sendiri mengenai persoalan perkahwinan dan hidup membujang juga diambilkira. Begitu juga dengan pandangan yang diberikan oleh masyarakat terhadap mereka. Pendapat-pendapat dari kedua belah pihak digunakan untuk membuat perbandingan berkenaan dengan isu ini dari perspektif yang berbeza.

## 1.2 Kepentingan Kajian.

Kajian ini adalah penting untuk memberikan gambaran jelas tentang masalah dan implikasi yang dihadapi oleh wanita yang lewat berkahwin.

Pendedahan faktor-faktor yang memungkinkan terjadinya perkahwinan lewat akan menyedarkan masyarakat agar tidak meletakkan kesalahan kepada wanita semata-mata dan membuat tanggapan negatif

terhadap golongan ini.

Kaum wanita juga diingatkan agar menukar sikap menantikan perkahwinan yang boleh menimbulkan kesan-kesan negatif dan menjadi umpat keji masyarakat. Oleh yang demikian, imej buruk tentang wanita yang lambat mendirikan rumah tangga dapat diperbaiki.

Dengan itu diharapkan dapat membantu pihak-pihak tertentu mengambil inisiatif meningkatkan kadar pertumbuhan dan pembangunan penduduk yang semakin merosot akibat dari fenomena ini.

### 1.3 Lokasi Kajian.

Lokasi kajian adalah di negeri Perlis. Tumpuan dibuat ke atas seluruh negeri Perlis kerana kumpulan sasaran tidak terdapat dalam satu kawasan tertentu sahaja.

Keluasan negeri Perlis meliputi lebih kurang 795.13 km. persegi, dengan 22 buah mukim. Daripada 22 mukim ini, pengkaji telah memilih responden-responden dari 13 buah mukim. Jadual 1 menunjukkan kedudukan 13 buah mukim tersebut dan kedudukan kampung-kampung di dalamnya serta bilangan responden.

Jadual 1.1

Kedudukan Mukim, Kampung  
Dan Bilangan Responden  
Di Negeri Perlis.

Bil	Mukim	Kampung	Responden
1	Kechor	a. Pondok	1
2	Beseri	a. Padang Malau b. Beseri	2 1
3	Sena	a. Repoh b. Tok Kandang c. Tok paduka	1 2 1
4	Jejawi	a. Jejawi	1
5	Hutan Aji	a. Sentang	1
6	Kayang	a. Behor Mali b. Padang Besar	1 1
7	Padang Pauh	a. Santan b. Padang Pauh	1 1
8	Chuping	a. Bukit Keteri	2
9	Arau	a. Behor Gelam	2
10	Kurong Anai	a. Guring	1
11	Oran	a. Gial	1
12	Seriap	a. Pengkalan Asam	2
13	Titi Tinggi	a. Wan Kelian	1
Jumlah		18	25

Penqkaji memilih kawasan kampung kerana masyarakatnya masih mengamalkan sikap dan nilai tradisional yang kuat terhadap perkahwinan. Tekanan untuk berkahwin bagi wanita di kawasan kampung adalah tinggi disebabkan tahap umur yang membawa gelaran 'andartu' adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan masyarakat moden. Oleh itu kawasan ini dipilih supaya pandangan responden dan masyarakat terhadap perubahan nilai perkahwinan dapat diperhatikan.

#### 1.4 Metodologi Penyelidikan

##### 1.4.1 Golongan Yang Dikaji.

Kajian hanya tertumpu kepada masyarakat Melayu. Terdapat 2 golongan yang dikaji, iaitu golongan sasaran dan golongan masyarakat umum.

Golongan sasaran merupakan responden primer dalam kajian ini. Syarat-syarat yang diperlukan bagi golongan ini adalah :

- a. Wanita Melayu yang tidak pernah berkahwin.
- b. Berada di tahap umur 25 tahun dan keatas.
- c. Tinggal di negeri Perlis.

Wanita Melayu dipilih kerana peratus pertambahan wanita yang tidak berkahwin pada usia 25 hingga 39 tahun adalah tinggi. Statistik dalam jadual 1.2 menunjukkan antara tahun 1980 dan 1984, peratus wanita

Melayu yang tidak berkahwin adalah 4.4% berbanding 3.2% di kalangan wanita Cina. Terdapat tekanan yang kuat bagi golongan ini untuk berkahwin sebelum usia 30 tahun (Tan Poo Chang 1986 : 204).

Mereka juga dikenakan stigma sosial seperti 'anak dara tua' dan dianggap memalukan keluarga jika tidak berkahwin pada usia yang 'sepatutnya'.

Responden yang berumur 25 tahun dan ke atas dipilih kerana umur yang sesuai bagi wanita Melayu berkahwin ialah sebelum 25 tahun. Sekiranya wanita pada peringkat umur tersebut belum berkahwin, maka gelaran 'andartu' akan diberikan kepada mereka. Tan Poo Chang dalam kajiannya<sup>1</sup> menunjukkan peratusan wanita yang dianggap sebagai 'andartu' dalam lingkungan umur yang kurang dari 30 tahun adalah tinggi bagi kaum Melayu iaitu sebanyak 34.0% berbanding dengan kaum Cina (12.6%) dan India (14.1%). Untuk keterangan lanjut rujuk kepada jadual 1.3.

- 
1. Tan Poo Chang, A Study Of Marriage And Marital Dissolution In Peninsular Malaysia : Evidence from The Married Sample, Disember 1986, halaman 208 (sebenarnya kajian ini telah dibuat pada tahun 1982 tetapi hanya diterbitkan pada tahun 1986 oleh Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara, Kuala Lumpur).

Jadual 1.2

Peratusan Wanita Yang Tidak Bertahwin Mengikut  
Kumpulan Umur dan Kumpulan Etnik  
Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1980.

Kaum	Melayu			Cina			India			Jumlah		
	1970	1980	1984/85	1970	1980	1984/85	1970	1980	1984/85	1970	1980	1984/85
15-19	77.2	89.5	93.3	94.0	95.4	96.8	83.1	91.2	92.9	83.9	91.5	94.1
20-24	32.4	48.6	48.7	59.7	63.2	65.0	37.0	54.8	52.4	43.0	53.9	54.1
25-29	8.7	17.2	18.3	21.4	28.2	28.7	11.7	24.3	23.3	13.8	21.7	26.4
30-34	3.3	7.9	9.1	9.4	13.3	14.6	3.9	10.5	11.8	5.6	10.1	11.4
35-39	1.9	3.8	5.9	5.7	7.6	9.0	2.1	5.1	4.1	3.3	5.3	6.9
40-44	1.1	2.2	1.1	3.4	5.8	4.5	0.9	2.9	2.3	1.9	3.5	2.5
45-49	0.7	1.7	3.2	2.4	4.6	3.1	0.6	2.2	0.0	1.3	2.8	2.8
50-54	0.6	1.2	0.0	2.6	3.4	1.9	0.7	1.6	0.0	1.4	2.0	0.7

Sumber : Banci Penduduk 1980, 11, Jadual 3.1;  
Banci Penduduk 1970, 11, Jadual 4.26;  
MPPS Data Isirumah, 1984/85.

Jadual 1.3

Peratus Laburan Mendikot Dan Wanita yang dianggap sebagai 'anak dara tua' berdasarkan kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia (1982).

Umur	Melayu	Cina	India
Kurang daripada 30	34.0	12.6	14.1
30-34	53.6	42.1	46.6
35-39	9.4	25.8	24.8
40 +	2.9	19.4	14.8
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber : Tan Poo Chang, A Study Of Marriage and Marriage and Dissolution In Peninsular Malaysia : Evidence from The Married Sample, Disember 1986.

Penkaji memilih responden yang tinggal di negeri Perlis disebabkan nilai tradisi Melayu masih kekal di dalam kehidupan anggota masyarakat Melayunya. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain, struktur dan ikatan masyarakat Melayu Perlis adalah kuat kerana organisasi masyarakatnya masih bercorak kekampungan. Tambahan pula, didapati jumlah wanita yang tidak berkahwin pada usia 25 hingga 29 tahun adalah tinggi iaitu 627 orang berbanding dengan lelaki yang berumur 30 hingga 34 (267 orang) pada tahun 1980 (Rujuk

radual 1.4). Nisbah lelaki dan wanita pada kumpulan umur tersebut ialah 1:2.3. Perbezaan kumpulan umur ini diambil kerana biasanya lelaki yang berumur 30 tahun akan memilih wanita yang berumur awal dua puluhan sebagai calon isteri (Utusan Malaysia 5/8/91).

Golongan masyarakat umum pula merupakan masyarakat setempat yang tinggal di kawasan kajian. Pandangan diambil daripada golongan ini untuk melihat reaksi mereka terhadap golongan sasaran. Reaksi yang diberikan oleh mereka dapat dijadikan panduan bagi penakaji untuk meneliti bagaimana wanita yang tidak berkahwin itu menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial mereka.

Jadual 1.4

Penduduk Perlis berumur 15 tahun dan ke atas mengikut kumpulan umur, kumpulan etnik, taraf perkahwinan sekarang dan jantina, 1980.

Kumpulan Melayu Umur (tahun)	Jumlah	Kumpulan Melayu		Tidak Pernah Berkahwin		
		Lelaki	P'puan	Jumlah	Lelaki	P'puan
15-19	12,969	6,399	6,570	12,148	6,330	5,818
20-24	9,529	4,339	5,190	5,238	3,144	2,094
25-29	9,118	4,216	4,902	1,694	1,067	627
30-34	7,733	3,746	3,987	485	267	218
35-39	6,835	3,393	3,442	215	116	99
40-44	6,294	3,222	3,072	124	77	47
45-49	4,835	2,332	2,503	72	39	33
50-54	5,184	2,540	2,644	61	34	27
55-59	3,349	1,653	1,696	22	15	7
60-64	3,615	1,742	1,873	22	10	12
65 dan keatas	5,211	2,441	2,770	33	20	13

Sumber : Diubahsuai daripada Bank Data Negeri/Daerah - Kedah/Perlis 1980-1986, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

#### 1.4.2 Teknik Persampelan.

Kaedah 'snowball sampling' digunakan dalam pemilihan responden primer. Beberapa orang yang dikenali mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk kajian dikenalpasti dan ditemubual terlebih dahulu. Penkaji kemudiannya mendapatkan responden seterusnya melalui responden yang dikenalpasti terlebih dahulu. Seramai 25 orang telah dipilih untuk mewakili 944 wanita Melayu yang tidak berkahwin pada umur 25-39 tahun (Rujuk jadual 1.4).

Pemilihan sample golongan masyarakat umum pula adalah melalui kaedah pemilihan secara rawak. Golongan ini merupakan masyarakat tempatan iaitu yang tinggal di persekitaran tempat tinggal atau tempat kerja responden primer.

#### 1.4.3 Kaedah Mengumpul Data.

##### (a) Soalselidik.

Dua set soalan soalselidik disediakan untuk golongan sasaran dan masyarakat umum. Soalan untuk golongan sasaran merangkumi beberapa bahagian pertanyaan mengenai latar belakang diri dan keluarga, persekitaran sosial, aktiviti sosial, isu stigma dan

prasaangka serta isu-isu perkahwinan. Sementara soalan masyarakat umum adalah meliputi pandangan mereka terhadap imej sendiri andartu dan persoalan mengenai perkahwinan.

Soalan yang dikemukakan adalah berbentuk 'open-ended' dan 'close-ended'. Soalan 'open-ended' bertujuan mendapatkan pandangan responden dengan lebih tepat dan meluas. Soalan 'close-ended' mempunyai jawapan yang standard dan mudah untuk dianalisis.

Kertas soalselidik dihantar terus kepada responden dan juga melalui pos. Kaedah melalui pos digunakan untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Pengkaji membiarkan golongan sasaran menjawab sendiri semua soalan dalam kertas soalselidik. Ini dilakukan agar responden dapat menjawab soalan tanpa apa-apa tekanan dan konqkonggan dari pengkaji.

Kertas soalselidik tidak diedarkan pada masyarakat umum. Soalselidik tersebut disediakan sebagai panduan untuk pengkaji mengemukakan soalan semasa temuramah dijalankan.

(b) Temubual.

Temujanji baqi menemubual dibuat selepas kertas soalsolidik diberikan pada responden primer untuk dijawab. Tujuan temubual diadakan adalah untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci, kerana sesetengah soalan sukar untuk diterangkan dalam bentuk jawapan bertulis. Pengkaji juga dapat membuat pemerhatian ke atas tingkahlaku responden semasa menjawab soalan.

Temubual secara tidak formal dilakukan bila berhadapan dengan masyarakat umum. Ini dilakukan supaya mereka tidak merasa kekok dan boleh memberi pandangan secara bebas.

(c) Rujukan Perpustakaan

Pengkaji melakukan rujukan perpustakaan untuk mendapat pemahaman lebih mendalam mengenai bidang yang dikaji. Sebenarnya, tulisan tentang golongan yang dikaji adalah kurang. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan tulisan-tulisan mengenai pembangunan wanita dari segi ekonomi, kekeluargaan, kajian kesuburan dan kependudukan sebagai panduan.

Pengkaji juga menggunakan keratan-keratan

suratkhabar dan majalah-majalah untuk mendapat gambaran tentang masalah yang dikaji. Rujukan perpustakaan perlu dibuat untuk mendapat penjelasan beberapa konsep dan teori yang digunakan.

#### 1.5 Masalah Dalam Pengumpulan Data.

Penkaji mendapati agak sukar untuk mendapat responden kerana isu-isu yang dikemukakan agak sensitif bagi wanita yang lewat berkahwin. Masyarakat umum kurang memberikan kerjasama dalam memberi maklumat mengenai golongan ini. Mereka bimbang sekiranya perbuatan mereka diketahui, akan menyinggung perasaan responden.

Sebanyak 43 set kertas soalselidik diedarkan, tetapi hanya 25 set sahaja yang diterimabalik. Kebanyakan responden menangguh-nangguhkan masa untuk menjawab soalan. Keadaan yang demikian menyebabkan penkaji terpaksa menghabiskan banyak waktu, berulang-alik ke tempat responden untuk memastikan soalan-soalan telah pun dijawab.

Bagi mereka yang berjaya menghantar balik kertas soalselidik, ramai yang tidak menjawab kesemua soalan dengan terperinci. Sebagai misalannya, mereka hanya

menjawab 'ya' atau 'tidak' tanpa memberikan sebarang penjelasan. Setengah soalan sensitif tidak dijawab, terutama yang memerlukan penilaian pendapat responden sendiri. Keadaan ini menimbulkan kesan yang buruk kepada pengkaji untuk menganalisis data yang akan digunakan sebagai asas untuk mencapai kesimpulan.

Masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian ini adalah terlalu singkat yakni hanya 2 1/2 bulan sahaja. Dalam tempoh tersebut, adalah sukar untuk pengkaji menemui semua wanita yang diketahui lambat berkahwin. Walaupun keluasan negeri Perlis tidaklah besar tetapi kebanyakan respondennya tinggal di merata-rata kawasan. Pola penempatan sebegini menyebabkan pengkaji menghadapi masalah perhubungan dan pengangkutan.

Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menggunakan kaedah menghantar soalselidik melalui pos. Malangnya, banyak daripada soalselidik tersebut tidak dipulangkan. Untuk mendapat kerjasama daripada responden, pengkaji menggunakan 'orang tengah' yang rapat dengan responden untuk mengatur pertemuan antara responden dengan pengkaji. Kaedah ini memudahkan interaksi di antara kedua pihak.

Bagi jawapan-jawapan yang tidak lengkap, pengkaji menemui responden berkenaan dan meminta budibicaranya

untuk mencari penjelasan dan huraian yang diperlukan.

#### 1.6 Konsep Andartu.

Istilah 'andartu' adalah singkatan dari perkataan 'anak dara tua'. Menurut kamus Dewan (1989), 'anak dara' merupakan perempuan yang agak besar (belum berkahwin dan bernoda) dan 'tua' membawa maksud lanjut usia. Gabungan dari ketiga-tiga perkataan ini memberi pengertian bahawa andartu ialah perempuan yang telah lanjut usianya tetapi masih belum mendirikan rumahtangga.

Terdapat berbagai istilah yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam melabelkan golongan ini. Di antaranya, 'anak tak laku' dan 'bujang terlajak'. Bagi masyarakat Barat, istilah yang sering digunakan adalah 'spinster'<sup>1</sup> dan 'left on the shelf'<sup>2</sup>.

- 
1. Menurut 'Dictionary Of Sociology', spinter ialah istilah yang diberikan di England dan Amerika terutama dalam abad ke-17. Istilah ini merujuk kepada wanita belum berkahwin yang telah lanjut usianya, melebihi daripada usia yang sepatutnya bagi wanita berkahwin (15 hingga 20 tahun). Keadaan ini merujuk kepada budaya masyarakat pada masa itu yang menyebabkan wanita tidak berkahwin dianggap sebagai suatu kegagalan sosial. Mereka ini memencilkan diri dan menghabiskan masa dengan membuat kerja-kerja memintal benang.
  2. Istilah ini digunakan untuk menggambarkan wanita yang lewat berkahwin dalam The Role Of Women (Debate Series), Sharon Goulds and Donald, 1985.

Wujudnya semua istilah ini adalah kerana perkahwinan dilihat sebagai nilai yang penting dalam kehidupan. Bagi masyarakat Melayu, perkahwinan adalah suatu hubungan bersifat kontrak yang diadakan. Kontrak ini dibuat dengan melafazkan ijab dan kabul di depan dua saksi yang waras. Melalui perkahwinan ini, perubahan status berlaku di mana pasangan lelaki dan perempuan akan menjadi suami isteri yang membezakan kehidupan zaman remaja dengan dewasa (Azizah Kassim, 1985 : 25). Dari sudut pandangan masyarakat Cina, perkahwinan penting kerana melaluinya zuriat sesuatu keluarga itu dikekalkan (Freedman, 1970).

Walaupun perkahwinan merupakan suatu proses hidup yang sejagat bagi semua masyarakat di dunia, tetapi terdapat perbezaan yang nyata di dalam pola perkahwinan tiap-tiap masyarakat. Ini adalah kerana norma atau nilai yang terkandung dalam sesuatu masyarakat adalah berbeza. Umur merupakan petunjuk yang utama dalam menentukan samada seseorang wanita itu 'dilabelkan' andartu atau tidak. Misalnya, purata umur pada perkahwinan pertama bagi wanita Melayu pada tahun 1965 adalah sekitar 16 hingga 19 tahun dan lelaki di antara 19 hingga 23 tahun (Rosemary Firth, 1965 : 32). Manakala di Amerika syarikat pada tahun 1950, umur purata ketika perkahwinan pertama bagi lelaki ialah 22.6 dan 20.4 bagi perempuan. (Majalah Timang 1

Nov/Dis, 1990 : 12).

Faktor yang membawa kepada perbezaan umur di antara negara sedang membangun dengan negara maju mempunyai kaitan yang rapat dengan peningkatan taraf sosio-ekonomi terutamanya dari segi pendidikan, pekerjaan, pendapatan, aspirasi dan lain-lain (Majalah Timang, 1 Nov/Dis, 1990 : 12).

Laporan daripada Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 1988, hasil kajian oleh Hamid Arshat, Tan Boon Ann, Tey Nai Peng dan M. Subbiah pada tahun 1984/85, menunjukkan bahawa umur perkahwinan pertama bagi penduduk Malaysia telah meningkat. Jumlah wanita yang berkahwin pada umur di bawah 30 tahun telah berkurangan berbanding dengan yang berumur 30 tahun ke atas. Bagi kaum lelaki, perkahwinan pada usia melebihi 30 tahun adalah perkara biasa. Begitu juga yang berlaku pada wanita masa kini.

Menurut Puan Siti Nor Yaakub, pensyarah Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia, Universiti Pertanian Malaysia, secara umumnya masyarakat menganggap andartu ialah wanita yang berumur 30 tahun ke atas (Majalah Ummi, Oktober 1990 : 13). Namun begitu, semua ini bergantung kepada tempat tinggal, adat resam dan agama

yang boleh membezakan konsep andartu.

Masyarakat luar bandar beranggapan wanita yang berumur 25 tahun dan ke atas sebagai andartu (Tan Poo Chang, 1986 : 206). Kenyataan ini mempunyai hubungannya dengan sikap dan sosialisasi masyarakat luar bandar yang menganggap wanita adalah golongan lemah dari segi fizikal dan mental, mereka mesti berkahwin bila sampai peringkat umur tertentu dan mendapat perlindungan daripada lelaki atau suami mereka (Azizah Kassim, 1985 : 25).

Dalam masyarakat Melayu, satu amalan secara tidak langsung mengakibatkan wanita menjadi andartu apabila umur mereka melebihi 25 tahun, tetapi masih belum berkahwin. Masyarakat menganggap adik yang berkahwin lebih awal daripada kakak atau langkah bendul sebagai satu petanda yang tidak baik. Kepercayaan ini menjejaskan keinginan pihak lelaki untuk meminang kakak berkenaan. Perumpamaan 'perigi mencari timba' menyebabkan wanita memendam rasa daripada menyatakan keinginan mereka terhadap lelaki yang diminati.

---

4. Peribahasa 'Langkah Bendul' bermaksud adik berkahwin dahulu daripada kakak. Dengan sebab melangkah bendul', menurut adat hendaklah kakak diberi 'hadiah' sama seperti 'hadiah' yang diberi kepada bakal pengantin.

5. 'Perigi Mencari Timba' membawa erti perempuan melamar lelaki untuk dijadikan suami.

yang boleh membezakan konsep andartu.

Masyarakat luar bandar beranggapan wanita yang berumur 25 tahun dan ke atas sebagai andartu (Tan Poo Chang, 1986 : 206). Kenyataan ini mempunyai hubungannya dengan sikap dan sosialisasi masyarakat luar bandar yang menganggap wanita adalah golongan lemah dari segi fizikal dan mental, mereka mesti berkahwin bila sampai peringkat umur tertentu dan mendapat perlindungan daripada lelaki atau suami mereka (Azizah Kassim, 1985 : 25).

Dalam masyarakat Melayu, satu amalan secara tidak langsung mengakibatkan wanita menjadi andartu apabila umur mereka melebihi 25 tahun, tetapi masih belum berkahwin. Masyarakat menganggap adik yang berkahwin lebih awal daripada kakak atau langkah bendul sebagai satu petanda yang tidak baik. Kepercayaan ini menjejaskan keinginan pihak lelaki untuk meminang kakak berkenaan. Perumpamaan 'perigi mencari timba' menyebabkan wanita memendam rasa daripada menyatakan keinginan mereka terhadap lelaki yang diminati.

---

4. Peribahasa 'Langkah Bendul' bermaksud adik berkahwin dahulu daripada kakak. Dengan sebab melangkah bendul', menurut adat hendaklah kakak diberi 'hadiah' sama seperti 'hadiah' yang diberi kepada bakal pengantin.

5. 'Perigi Mencari Timba' membawa erti perempuan melamar lelaki untuk dijadikan suami.

Dalam agama Islam, perkahwinan merupakan suatu perkara yang digalakkan. Oleh itu, masyarakat Melayu memandang rendah terhadap wanita yang lambat mendirikan rumahtangga. Mengikut hadis riwayat Ahmad dan Baihaqi;<sup>6</sup>

من بركة المرأة سرعة تووكميها

وسرعة رحمها اي الوهه ويسر مهرها

Terjemahannya : Sebahagian daripada keberkatan perempuan ialah cepat bersuami, cepat mendapat anak dan murah maharnya.

Pelabelan masyarakat terhadap wanita yang lewat berkahwin menyebabkan timbulnya tanggapan yang negatif terhadap golongan ini. Kesan daripada pandangan negatif ini akan melahirkan stigma atau reaksi yang kurang baik dari masyarakat terhadap andartu.

- 
6. Sila rujuk kepada buku Asas Kekeluargaan Islam, Bahasan 4 Mazhab : Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hambali, oleh Hassan Salleh, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989;

## LATARBELAKANG SOSIO-EKONOMI RESPONDEN

2.0 Pendahuluan

Bab ini adalah mengenai latarbelakang sosio-ekonomi responden. Ia merangkumi latarbelakang peribadi responden seperti umur dan tempat asal, latarbelakang pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, latarbelakang keluarga, sendiri responden, persekitaran serta aktiviti sosial responden.

Pemerihalan aspek-aspek ini penting kerana ia merupakan proses sosialisasi<sup>1</sup> yang dapat membentuk sikap dan pandangan responden. Sosialisasi daripada keluarga dan masyarakat dapat mempengaruhi jangkaan seseorang individu bagi pemilihan pasangan hidup dan keputusan untuk berkahwin.

- 
1. Menurut Norazit Selat dalam bukunya 'Konsep Asas Antropologi', halaman 132, "Sosialisasi adalah pembentukan tingkah laku manusia samada daripada segi mental ataupun fizikal melalui pengalaman mereka di dalam keadaan-keadaan sosial yang tertentu. Sosialisasi melibatkan proses-proses akulturasi, perhubungan dan pembelajaran. Melalui proses-proses tersebut, manusia boleh menyesuaikan diri dengan cara hidup masyarakat mereka. Setiap individu akan lahir ke dalam satu sistem sosial yang akan menekankan kepadanya norma dan nilai yang diterima oleh masyarakatnya. Umumnya, norma dan nilai ini akan dipelajari daripada anggota keluarganya...

## 2.1 Latarbelakang Responden

### 2.1.1 Umur

Tahap umur responden yang dikaji adalah di dalam lingkungan 25 hingga 39 tahun, dengan puratanya di sekitar 31 tahun.

Jadual 2.1

### Taburan Umur Responden

Umur	Bilangan	Peratus (%)
25	1	4
26	1	4
27	2	8
28	3	12
29	2	8
30	4	16
31	1	4
32	2	8
33	2	8
34	2	8
35	-	-
36	2	8
37	2	8
38	-	-
39	1	4
Jumlah	25	100

Terdapat hubungan di antara umur dan pemilihan pasangan hidup. Responden yang berada pada peringkat umur yang telah lanjut (30 tahun ke atas) mengatakan mereka tidak terlalu memilih pasangan hidup. Sikap ini timbul kerana mereka sedar sekiranya terlalu memilih

akan menyebabkan peluang mereka untuk berkahwin semakin tipis. Sebaliknya, responden yang berada di sekitar umur 30 tahun ke bawah masih memilih lelaki yang memenuhi ciri-ciri yang diinginkan.

2.1.2 Tempat Asal.

Lebih separuh daripada responden berasal dari negeri Perlis, iaitu seramai 15 orang. 10 orang responden yang lain, berasal dari negeri-negeri lain di utara Semenanjung Malaysia ( Lihat jadual 2.2). Responden yang berasal dari negeri-negeri lain berhijrah ke negeri Perlis kerana pekerjaan dan mengikut ibubapa.

Jadual 2.2

Tempat Asal Responden.

Negeri	Bilangan	Peratus (%)
Perlis	15	60
Kedah	7	28
Perak	1	4
Pulau Pinang	2	8
Jumlah	25	100

2.1.3 Pendidikan

Taraf pendidikan adalah penting kerana ia berkaitan dengan peluang seseorang itu untuk mendirikan

rumahtangga. Pendidikan yang tinggi, seringkali dijadikan alasan oleh seseorang wanita itu berkahwin lewat. Kemungkinan ini disebabkan mereka tidak rela berkahwin dengan lelaki yang berpendidikan rendah ataupun lelaki takut menjadikan mereka sebagai isteri.

Jadual 2.3

Tahap Pendidikan Responden.

Tahap pencapaian	Bilangan	Peratus (%)
Sekolah Rendah	3	12
S.R.P / L.C.E.	5	20
S.P.M. / M.C.E.	6	24
S.T.P.M. / H.S.C.	1	4
Sijil Perguruan	6	24
Diploma	1	4
Ijazah Sarjana Muda	2	8
Ijazah Sarjana	1	4
Jumlah	25	100

Daripada jadual 2.3 didapati 17 mempunyai pendidikan tinggi berbanding dengan 8 orang yang hanya berpendidikan setakat sekolah rendah dan S.R.P./ L.C.E.

Responden yang berkelulusan ijazah sarjana mengatakan bahawa ia banyak menghabiskan waktu mudanya untuk belajar. Setelah berumur 26 tahun, barulah dia tamat pengajian dan terpaksa pula menumpukan perhatian pada kerjanya. Situasi ini menyebabkan responden berke-  
naan, tidak memikirkan tentang perkahwinan pada umur

yang lebih muda.

Manakala menurut 2 orang responden yang hanya mendapat pendidikan sekolah rendah sahaja, mereka tidak dibenarkan bekerja oleh ibubapa kerana taraf pendidikan mereka yang rendah. Maka, peluang mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat luar terbatas.

#### 2.1.4 Pekerjaan Dan Pendapatan.

Latarbelakang pekerjaan ini penting dilihat kerana ia mempengaruhi sikap responden terhadap persoalan perkahwinan.

92% responden bekerja. Dalam jadual 2.4, dapat diketahui bahawa secara keseluruhannya responden-responden mempunyai jenis pekerjaan yang kukuh. Separuh daripada responden (12 orang) bekerja sebagai guru. Pekerjaan ini menghasilkan pendapatan yang tetap. Jadi, responden-responden mempunyai kedudukan ekonomi yang stabil dan boleh hidup berdikari tanpa bantuan daripada keluarga.

Responden yang bekerja sebagai jururawat, pembantu klinik dan pekerja kilang menganggap pekerjaan mereka sebagai cara untuk mereka mengisi masa lapang sekalipun mereka menyedari pendapatan diperolehi agak rendah. Bagi mereka, "tanpa pekerjaan, hidup sungguh

membosankan".

Jadual 2.4

Jenis Pekerjaan Responden.

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Guru	12	48
Jururawat	1	4
Setiausaha	1	4
Ahli perniagaan	3	12
Kilang	3	12
Kerani	1	4
Jurujual	1	4
Pembantu klinik	1	4
Penganggur	2	8
Jumlah	25	100

2 orang responden yang menganggur tinggal di rumah kerana terpaksa membantu keluarga. Seorang daripada mereka, pernah menjadi pembantu rumah kakaknya sendiri di Kuala Lumpur, tetapi akhirnya pulang ke kampung semula kerana bosan terikat dengan kerja-kerja rumah dan tidak mempunyai teman-teman untuk berbual. Walaupun tidak mempunyai apa-apa pendapatan, mereka tidak dianggap membebankan keluarga. Ini adalah kerana mereka memberi sumbangan tenaga membuat kerja-kerja rumah dan ini dikira sudah mencukupi untuk meringankan beban ibubapa.

Jadual 2.5.

Pendapatan Bulanan Responden

Jumlah Pendapatan	Bilangan	Peratus (%)
\$150 - \$200	3	12
\$200 - \$399	4	16
\$400 - \$599	4	16
\$600 - \$799	3	12
\$800 - \$999	3	12
\$1000 - \$2000	6	24
Responden Menganggur	2	8
Jumlah	25	100

Berdasarkan jadual 2.5, pendapatan minimum bagi responden adalah \$150 - \$200. Tahap pendapatan ini digunakan kerana terdapat 3 orang responden yang berpendapatan tidak tetap. Kesemua 3 responden ini bekerja sendiri sebagai tukang jahit dan peniaga.

Seramai 6 orang responden berpendapatan \$1000 hingga sebanyak \$2000. Semua daripada mereka ini terdiri daripada guru, di mana 3 daripada mereka mempunyai ijazah dan seorang, diploma. Selebihnya mempunyai sijil perguruan dan telah lama berkhidmat.

Bagi 2 orang responden yang tidak mempunyai pendapatan, sara hidup mereka datang dari keluarga sebagai balasan kepada kerja-kerja rumah yang mereka lakukan.

2.1.5 Latarbelakang Keluarga Responden

Latarbelakang keluarga diambilkira untuk memerhatikan samada ia mempunyai pengaruh dan kesan terhadap pandangan responden dalam membuat keputusan untuk berkahwin.

Daripada soalselidik yang dibuat oleh pengkaji, didapati 16% atau 4 orang tidak lagi mempunyai bapa (meninggal dunia). 3 orang daripada 4 responden ini memberitahu ibu mereka tidak pernah menggesa mereka berkahwin sebab mereka lebih suka sekiranya responden-responden dapat tinggal bersama mereka dan menjaga serta memberikan perhatian kepada mereka sepenuhnya. Oleh kerana mempunyai tanggungjawab terhadap ibu, hasrat mereka untuk berkahwin dipendamkan begitu sahaja.

Jadual 2.6

Pekerjaan Ibubapa Responden

Pekerjaan	Ibu		Bapa	
	Bil	%	Bil	%
Surirumahtangga	23	92	-	-
Petani	2	8	10	40
Peniaga kecil	-	-	2	8
Pemandu teksi	-	-	1	4
Buruh kerajaan	-	-	1	4
Pesara	-	-	7	28
Tidak Berkenaan	-	-	4	16
Jumlah	25	100	25	100

Berpandukan pada jadual 2.6, didapati hampir keseluruhan iaitu 23 orang (92%) ibu responden merupakan suri rumahtangga. Hanya 2 orang atau 8% sahaja yang membantu suami bekerja di bendang. Rata-ratanya, bapa responden mempunyai pekerjaan yang tidak mampu menghasilkan pendapatan yang mencukupi untuk keperluan asas keluarga. Misalnya, seorang pesawah tidak mempunyai pendapatan yang tetap kerana ia bergantung kepada hasil tanaman yang tertakluk kepada keadaan cuaca.

Jadual 2.7

Pendapatan Iubapa Responden

Jumlah Pendapatan	Ibu		Bapa	
	Bil	%	Bil	%
\$150 - \$200	-	-	2	8
\$200 - \$399	2	8	7	28
\$400 - \$599	-	-	8	32
\$600 - \$799	-	-	4	16
Tiada pendapatan	23	92	4	16
Jumlah	25	100	25	100

Jadual 2.7 menunjukkan bahawa pendapatan ibubapa responden adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan pendapatan responden.

Bagi ibu responden, hanya 2 orang atau 8% sahaja yang bekerja membantu suami mereka dan mempunyai

pendapatan \$200 - \$399.

Ibubapa responden banyak bergantung kepada responden bagi menyara keluarga terutamanya yang mempunyai adik-adik yang masih bersekolah. Keadaan ini membuatkan responden menanqquhkan perkahwinan mereka kerana berhasrat untuk membantu ibubapa dan menyara persekolahan adik-adik.

Jadual 2.8

Kedudukan Responden Dalam Keluarga

Kedudukan dalam Keluarga	Saiz Keluarga						Jumlah Besar
	Keluarga Kecil (1-4 orang)		Keluarga Sederhana (5-8 orang)		Keluarga besar (9-12 orang)		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Anak tunggal	1	17	-	-	-	-	1
Anak sulung	2	33	2	14	-	-	4
Anak tengah	1	17	11	79	4	80	16
Anak bongsu	2	33	1	9	1	20	4
Jumlah	6	100	14	100	5	100	25

Merujuk kepada jadual 2.8, dari kesemua saiz keluarga tersebut, seorang responden adalah anak tunggal, 4 orang anak sulung, 16 orang anak tengah dalam keluarga dan 4 orang anak bongsu.

Kebanyakan ibubapa responden mempunyai sikap inginkan anak-anak mereka berkahwin terutama bagi responden yang merupakan anak sulung dalam keluarga.

Sebaliknya, terdapat satu kes di mana responden merupakan anak sulung dalam keluarga dan terpaksa pula menyara 3 orang adik-adiknya yang masih bersekolah. Jadi, responden ini tidak dapat berkahwin kerana mempunyai tanggungjawab terhadap adik-adiknya.

Sebahagian daripada 16 orang anak tengah dalam keluarga juga berperanan menyara adik-adik mereka yang masih bersekolah. Mereka terpaksa berbuat demikian kerana pendapatan kakak dan abang mereka tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan isi rumah. Selain daripada itu, mereka terpaksa memikul tanggungjawab itu kerana terpaksa menggantikan tempat kakak dan abang mereka yang telah berumahtangga.

Jadual 2.9  
Corak Perkahwinan Dalam Keluarga Responden

Corak perkahwinan dalam keluarga	Saiz Keluarga						Jumlah Besar
	Keluarga Kecil		Keluarga Sederhana Besar		Keluarga Besar		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1. Tiada seorang pun yang berkahwin	3	50	1	7	-	-	4
2. Semua adik-adik sudah berkahwin kecuali responden	3	50	3	22	-	-	6
3. Kakak atau abang sudah berkahwin	-	-	10	71	5	-	15
Jumlah	6	100	14	100	5	100	25

Responden dari keluarga yang besar dan mempunyai ramai adik-beradik yang berkahwin, biasanya mempunyai dorongan yang kuat untuk berkahwin seperti ahli keluarga yang lain. Ini berlaku kerana responden berasa tersisih, terutama apabila semua ahli keluarga berkumpul dan bercerita tentang rumahtangga masing-masing.

3 orang responden daripada keluarga sederhana besar, mempunyai kakak yang belum berkahwin. Keadaan ini menyebabkan mereka berkecenderungan untuk melengahkan perkahwinan. Mereka tidak terlalu bimbang dengan usia yang meningkat. Alasan mereka, kakak mereka pun belum lagi mendirikan rumahtangga. Ada ibubapa responden yang terpaksa menolak peminangan responden kerana tidak mahu menyinggung perasaan kakak.

Daripada kesemua saiz keluarga responden, terdapat 12 orang responden yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang adik perempuan atau adik lelaki yang telah berkahwin. Dalam keadaan begini, terdapat desakan yang kuat daripada ibubapa supaya responden berumahtangga.

## 2.2 Kendiri Responden

### 2.2.1 Sifat Responden

Sifat responden memainkan peranan yang penting

dalam menentukan langkah awal responden untuk berinteraksi dan berkenalan dengan lelaki.

Jadual 2.10

Sifat Responden

Sifat	Bil	%
Periang	6	24
Peramah	9	36
Pemalu	8	32
Pendiam	2	8
Jumlah	25	100

Dari jadual 2.10, didapati sebilangan besar responden, iaitu 9 orang atau 40% menganggap mereka bersifat peramah. Golongan ini tidak menghadapi masalah dalam pergaulan. Mereka beranggapan bahawa mereka pandai menyesuaikan diri semasa berinteraksi dengan masyarakat sekeliling.

6 orang atau 26% responden memberi jawapan bahawa mereka bersifat periang. Sifat ini membuatkan mereka tidak terlalu mengambil kira tentang usia dan kedudukan mereka sebagai wanita yang lewat berkahwin.

Bilangan responden yang mengaku bahawa mereka bersifat pemalu adalah 8 orang atau 16% dan 2 orang

atau 8% bersifat pendiam. Sifat pemalu dan pendiam responden menyebabkan mereka kurang bergaul dengan lelaki. Rata-ratanya, responden lebih suka menghabiskan masa di rumah kerana merasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial mereka. Sikap yang sedemikian menyebabkan peluang mereka untuk mendapat pasangan hidup terbatas.

#### 2.2.2 Perawakan

Boleh dikatakan hampir keseluruhan responden iaitu 88% mengatakan mereka berperawakan sederhana. 3 orang atau 12% menganggap perawakan mereka tidak menarik.

Anggapan mereka ini (tidak menarik), membuatkan timbulnya rasa rendah diri untuk mendekati lelaki. Mereka percaya bahawa salah satu ciri yang dipilih oleh lelaki yang mencari pasangan hidup ialah wanita yang berperawakan menarik.

#### 2.2.3 Kekuatan Beragama.

5 orang responden sangat berpegang kuat pada agama. Pegangan agama 20 orang yang lain atau 80%, adalah sederhana. Dapat dikatakan bahawa semua responden masih mengutamakan agama sebagai pegangan

hidup mereka. Disebabkan masih berpegang kepada agama, mereka kurang bergaul dengan lelaki. Mereka berbuat begitu untuk menjaga batas pergaulan yang dibenarkan oleh agama Islam.

2.2.4. Pengalaman Bercinta.

Jadual 2.11

Kedudukan Responden Dalam Hubungan Dengan Teman Lelaki.

Kedudukan responden Dalam Hubungan Dengan Teman Lelaki	Bil	%
Tidak pernah mempunyai teman lelaki	12	48
Pernah mempunyai teman lelaki, tetapi telah putus hubungan (kini tiada teman)	11	44
Baru Berkenalan	1	4
Akan Bertunang	1	4
Jumlah	25	100

Sebilangan besar daripada responden iaitu 12 orang (48%) membuat pengakuan bahawa mereka tidak pernah mempunyai teman lelaki. Ini diikuti pula oleh 11 orang responden (44%) yang pernah mempunyai teman lelaki tetapi telah pun memutuskan perhubungan mereka. Seorang responden akan bertunang tidak lama lagi dan

seorang mengatakan ia baru sahaja berkenalan dengan seorang lelaki.

Jadual 2.12

Sebab-Sebab Responden Tidak Mempunyai  
Teman Lelaki.

Sebab-Sebab Responden Tidak Mempunyai Teman Lelaki	Bil	%
Pentingkan kerjaya	3	25
Mahu hidup bebas tanpa ada ikatan dengan lelaki	1	8
Tidak berpeluang	5	42
Untuk mengelakkan dari fitnah	3	25
Jumlah	12	100

Majoriti responden yang tidak mempunyai teman lelaki memberikan alasan bahawa mereka tidak berpeluang untuk mendapat teman lelaki. Ini kerana sifat mereka yang agak pemalu dan tidak pandai untuk memulakan perkenalan, membuat mereka tidak gemar menghabiskan masa di luar rumah. Oleh itu, peluang pertemuan dengan lelaki adalah terhad.

Larangan agama menjadi faktor utama bagi 3 responden. Mereka takut sekiranya mempunyai teman lelaki akan menimbulkan perkara-perkara yang buruk dan fitnah dari masyarakat sekeliling. Ini adalah kerana masyarakat sekitar responden berpegang kuat pada agama

dan memandang serong kepada gadis yang bergaul bebas dengan lelaki.

Terdapat 3 orang responden memberikan sebab terlalu sibuk dengan pekerjaan dan tugas harian, sehingga tidak mempunyai banyak masa untuk aktiviti sosial. Responden-responden ini masih tidak mempunyai teman lelaki kerana terlalu mementingkan pencapaian kerjaya. Oleh kerana itu, mereka tidak mahu terikat dengan teman lelaki yang dianggap boleh mengongkang kehidupan.

Responden yang pernah mempunyai teman lelaki (44%), memberikan berbagai alasan mengapa hubungan mereka terputus.

Jadual 2.13

Alasan Responden Memutuskan Perhubungan Dengan Teman Lelaki

Alasan	Bil	%
Tidak sesuai	6	55
Teman lelaki berkahwin dengan gadis lain	2	18
Teman lelaki mempunyai ramai teman wanita	2	18
Teman lelaki suka memuji gadis lain	1	9
Jumlah	11	100

Sepuluh daripada responden yang telah memutuskan

perhubungan dengan teman lelaki (6 orang) memberikan alasan tidak sesuai dan bersefahaman dengan teman lelaki. Mereka mendapati agak sukar untuk mencari pasangan yang sesuai dengan diri mereka.

2 orang responden (18%) terpaksa memutuskan perhubungan kerana teman lelaki mereka berkahwin dengan gadis lain. Seorang daripadanya, menceritakan bahawa perhubungannya mendapat bantahan daripada ibu teman lelakinya. Jadi, dia terpaksa berpisah dengan teman lelakinya setelah ibu lelaki berkenaan mengahwinkan anaknya dengan gadis lain.

Bagi 2 orang responden yang lain, mereka memutuskan perhubungan dengan teman lelaki kerana tidak suka pada lelaki yang mempunyai ramai teman wanita. Mereka menganggap lelaki yang terlalu 'bersosial', bila-bila masa sahaja boleh berubah hati.

Seorang responden terpaksa mengambil keputusan memutuskan perhubungan kerana tidak tahan dengan sikap teman lelakinya yang suka membuat perbezaan rupa parasnya dengan wanita-wanita lain yang lebih menarik. Sikap teman lelakinya membuatkan responden merasa rendah diri.

2.3 Persekitaran Sosial Responden

2.3.1. Persekitaran tempat tinggal.

Jadual 2.14

Tempat tinggal Responden

Kawasan tempat tinggal	Hubungan dengan anggota isi rumah						Jumlah
	Keluarga		Saudara-mara		Kawan-kawan yang belum berkahwin		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Kampung	14	88	1	100	-	-	15
Perumahan kos rendah	2	1	-	-	3	38	5
Perumahan kelas sederhana	-	-	-	-	4	50	4
Rumah panqsa	-	-	-	-	1	12	1
Jumlah	16	100	1	100	8	100	25

Jadual 2.14 menunjukkan majoriti responden (60%) tinggal dalam persekitaran kampung. Menurut responden-responden, mereka bergaul rapat dengan masyarakat sekeliling dan saling mengetahui latarbelakang antara satu sama lain. Jiran-jiran juga sering mengambil tahu tentang aktiviti sosial mereka. Sebilangan besar daripada responden ini merasakan adanya unsur-unsur tekanan untuk mereka berkahwin kerana jiran-jiran gemar

bercakap-cakap tentang mereka.

Baigi responden yang tinggal dengan keluarga dan saudara-mara, peluang untuk bergaul terbatas kerana terdapat kawalan daripada keluarga. Semua kegiatan luar mereka diawasi dan diketahui oleh ibubapa. Sebilangan kecil daripada responden (3 orang) mengatakan mereka malu sekiranya ibubapa tahu mereka mempunyai teman lelaki.

Berbeza daripada responden yang tinggal dengan keluarga, responden yang tinggal bersama-sama rakan-rakan yang belum berkahwin mempunyai lebih kebebasan untuk bergaul. Menurut golongan ini, mereka kurang memikirkan tentang perkahwinan kerana terpengaruh dengan gaya hidup rakan-rakan belum berkahwin yang bebas tanpa terikat dengan mana-mana pihak.

Pengaruh dari jiran-jiran juga mempunyai kesan ke atas responden-responden. Kebanyakan jiran-jiran responden adalah terdiri daripada mereka yang sudah berkahwin. Status perkahwinan jiran-jiran ini boleh dilihat sebagai motivasi bagi responden untuk berkahwin. Tetapi, peluang untuk mendapatkan pasangan di sekitar tempat tinggal menjadi terhad kerana tidak ramai lelaki bujang.

2.3.2 Persekitaran tempat kerja.

Jadual 7.15

Kawasan tempat kerja responden

Kawasan tempat kerja	Bil	%
Pusat bandar	13	52
Luar bandar	10	40
Tidak berkenaan	2	8
Jumlah	25	100

13 orang atau 52% responden bekerja di kawasan pusat bandar. 10 orang lagi atau 40% bekerja di luar bandar dan berhampiran dengan kawasan tempat tinggal mereka.

Responden yang bekerja di kawasan pusat bandar berpeluang berinteraksi dengan bebas, berbanding dengan responden yang bekerja di kawasan luar bandar dan berhampiran dengan kawasan tempat tinggal mereka. Interaksi yang bebas ini menyediakan lebih banyak peluang untuk mendapatkan pasangan.

Jadual 2.16

Taburan Rakan-rakan Sekerja Responden

Rakan Sekerja	Bil	%
Wanita bujang	6	24
Wanita yang telah berkahwin	1	4
Lelaki bujang dan wanita bujang	1	4
Lelaki yang telah berkahwin dan wanita bujang	10	40
Lelaki yang telah berkahwin dan wanita yang telah berkahwin	5	20
Responden menganggur	2	8
Jumlah	25	100

Jadual 2.16 menunjukkan bahawa 6 orang responden atau 24% mempunyai rakan sekerja yang terdiri daripada wanita bujang. Responden-responden ini merupakan pekerja-pekerja kilang, kerani, jurujual dan pembantu klinik. Oleh kerana semua rakan sekerja adalah wanita bujang, maka mereka tidak berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan sekerja lelaki. Tekanan di tempat kerja untuk golongan ini berkahwin adalah sangat rendah.

Bagi seorang responden yang mempunyai rakan wanita yang telah berkahwin di tempat kerjanya, desakan untuknya berumahtangga adalah sangat tinggi kerana wanita-wanita yang telah berkahwin biasanya memandang

Jadual 2.16

Taburan Rakan-rakan Sekerja Responden

Rakan Sekerja	Bil	%
Wanita bujang	6	24
Wanita yang telah berkahwin	1	4
Lelaki bujang dan wanita bujang	1	4
Lelaki yang telah berkahwin dan wanita bujang	10	40
Lelaki yang telah berkahwin dan wanita yang telah berkahwin	5	20
Responden menganggur	2	8
Jumlah	25	100

Jadual 2.16 menunjukkan bahawa 6 orang responden atau 24% mempunyai rakan sekerja yang terdiri daripada wanita bujang. Responden-responden ini merupakan pekerja-pekerja kilang, kerani, jurujual dan pembantu klinik. Oleh kerana semua rakan sekerja adalah wanita bujang, maka mereka tidak berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan sekerja lelaki. Tekanan di tempat kerja untuk golongan ini berkahwin adalah sangat rendah.

Bagi seorang responden yang mempunyai rakan wanita yang telah berkahwin di tempat kerjanya, desakan untuknya berumahtangga adalah sangat tinggi kerana wanita-wanita yang telah berkahwin biasanya memandang

serong pada wanita-wanita yang lewat berkahwin. Responden juga merasa terasing, terutama apabila mereka bercerita tentang rumahtangga masing-masing.

Peluang untuk berinteraksi dan mendapat pasangan bagi seorang responden adalah tinggi kerana majoriti rakan sekerjanya adalah terdiri daripada lelaki dan wanita bujang. Walau bagaimanapun, terdapat persaingan yang hebat bagi responden untuk mendapat pasangan kerana terdapat juga rakan-rakan sekerja responden terdiri daripada wanita yang bujang.

15 orang responden atau 60% mengatakan mereka sukar mendapat pasangan di tempat kerja kerana tidak berpeluang berinteraksi dengan lelaki bujang. Majoriti rakan sekerja mereka adalah lelaki yang telah berkahwin. Bagi 5 orang responden atau 20% responden yang juga mempunyai rakan wanita dan lelaki yang telah berkahwin, tekanan untuk berkahwin adalah kuat daripada kedua belah pihak.

Jadual 2.17

Kekerapan Interaksi Dengan Rakan-rakan  
Sekerja Wanita.

Kekerapan Interaksi	Bil	%
Selalu	11	44
Kadang-kadang	10	40
Sesekali	2	8
Tidak Berkenaan	4	16
Jumlah	25	100

Daripada jumlah responden yang berinteraksi dengan rakan sekerja wanita, 11 orang atau 44% kerap berinteraksi dan mempunyai hubungan yang baik dengan rakan-rakan sekerja wanita. Dapat dikatakan di sini bahawa responden mempunyai kekerapan interaksi yang tinggi dengan rakan sekerja. Ini bermakna responden lebih terdedah kepada tekanan untuk berkahwin kerana perhubungan yang rapat dengan rakan sekerja wanita yang telah berkahwin menyebabkan mereka mengambil tahu tentang latarbelakang dan aktiviti sosial responden.

Keadaan ini berbeza dengan 12 responden yang kurang berinteraksi dengan rakan sekerja di mana mereka kurang menerima tekanan untuk berkahwin kerana bebas daripada perhatian rakan-rakan sekerja mereka.

## 2.4. Aktiviti Sosial

Jadual 2.18

### Aktiviti Sosial Responden Di Masa Lapang

Aktiviti Sosial	Bil	%
1. Golongan yang tidak mempunyai Aktiviti sosial.	16	64
2. Golongan yang mempunyai aktiviti sosial.		
a) Keluar bersiar-siar dengan rakan ke tempat rekreasi.	1	4
b) Menziarahi sahabat.	1	4
c) Menyertai persatuan.	7	28
Jumlah	25	100

Dari jadual 2.18, menunjukkan lebih ramai responden tidak mempunyai aktiviti sosial, di mana mereka lebih banyak menghabiskan masa di rumah. Kebanyakan aktiviti golongan ini hanya tertumpu di rumah seperti menonton TV, video, membaca dan membuat kerja-kerja rumah.

Dalam golongan yang kedua pula, terdapat 2 orang responden yang mempunyai aktiviti luar seperti keluar bersiar-siar dengan rakan-rakan ke tempat rekreasi dan menziarahi sahabat.

Daripada keseluruhan 25 orang responden, hanya 7 orang atau 28% sahaja yang menyertai persatuan sebagai

ahli biasa. Maka, lebih banyak masa dan aktiviti mereka ditumpukan kepada persatuan. Ini menunjukkan bahawa tidak semua andartu mempunyai sikap yang pasif dan tidak mahu bergaul dengan masyarakat (sila lihat jadual 2.19).

Jadual 2.19

Persatuan Yang Disertai Oleh Responden.

Jenis Persatuan	Bil	%
1. Kesatuan Sekerja	1	14
2. Persatuan Sekolah	2	29
3. UMNO	1	14
4. ABIM	2	29
5. Persatuan Keluarga Polis (PERKEP)	1	14
Jumlah	7	100

## BAB 3

### PANDANGAN RESPONDEN DAN MASYARAKAT

#### 3.0 Pendahuluan.

Di dalam bab 3, perbandingan dibuat antara pandangan responden dan masyarakat umum terhadap persoalan-persoalan yang menyentuh perkahwinan. Untuk itu, pandangan daripada kedua-dua belah pihak diambil untuk melihat samada terdapat perbezaan atau persamaan pendapat terhadap nilai dan jangkaan dalam perkahwinan.

Tujuannya ialah untuk memerhati samada masyarakat umum masih menganggap wanita yang lewat berkahwin sebagai golongan yang melanggar norma-norma perkahwinan yang telah ditetapkan oleh masyarakat ataupun tidak.

#### 3.1 Pandangan Responden Terhadap Nilai Dan Jangkaan Perkahwinan.

##### 3.1.1 Nilai Perkahwinan.

Perkahwinan merupakan pengesahan yang diberikan oleh masyarakat kepada hubungan jenis antara lelaki dan perempuan untuk memenuhi tuntutan naluri dan keperluan manusia (Abdullah Nasih 'Ulwan, 1988 : 19). Oleh kerana perkahwinan mempunyai banyak fungsi dan faedah dalam

kehidupan manusia, maka ia menjadi satu nilai dalam masyarakat yang mesti diamankan.

15 orang atau 60% responden berpendapat bahawa setiap wanita mesti berkahwin. Di antara sebab-sebab utama yang diberikan oleh sebahagian besar daripada responden-responden ini adalah perkahwinan dapat memberikan perlindungan kepada wanita. Wanita adalah golongan yang lemah. Jadi, mereka perlu berkahwin dan mendapat perlindungan lelaki apabila mencapai peringkat umur tertentu. Mereka juga sedar bahawa seseorang wanita itu tidak boleh bergantung pada ibubapa buat selama-lamanya. Malahan, ibubapa sendiri merasa selamat dan senang hati mempunyai suami sebagai pelindung.

Sebab kedua yang diberikan ialah jaminan keselamatan boleh didapati oleh seseorang wanita melalui perkahwinan. Setiap manusia secara fitrahnya mempunyai tuntutan nafsu dan memerlukan teman hidup. Menerusi perkahwinan, tuntutan nafsu dapat disalurkan tanpa melanggar batasan yang ditetapkan oleh masyarakat dan agama. Dengan itu, ia dapat menyelamatkan manusia daripada melakukan perbuatan maksiat yang dapat menimbulkan fitnah serta pandangan serong masyarakat.

51

Ketiga ialah ketenangan pikiran dan kedamaian jiwa dapat dicapai melalui kehidupan berkeluarga dan kewujudan kasih sayang antara suami dan isteri. Anak-anak yang lahir hasil daripada perkahwinan memerlukan perlindungan dan keperluan-keperluan yang hanya dapat disediakan oleh ibubapa. Dari itu, perkahwinan membentuk tanggungjawab bersama antara suami dan isteri. Bagi golongan ini, sekiranya wanita tidak berkahwin, mereka akan menghadapi banyak masalah apabila tua nanti. Di antaranya, merasa sunyi tanpa anak-anak dan tiada siapa yang dapat menjaga mereka di masa tua.

Sementara itu, 40% responden memberi alasan bahawa perkahwinan bukan suatu tahap kehidupan yang mesti dicapai oleh wanita. Bagi mereka, wanita masa kini tidak memerlukan perlindungan daripada lelaki, terutama dari segi ekonomi. Wanita yang mempunyai kemampuan dan berdikari, mampu hidup bersendirian kerana faktor kewangan memainkan peranan yang lebih penting dalam kehidupan masa kini berbanding dengan perlindungan yang dapat diberikan oleh seorang suami.

Menurut golongan ini lagi, hidup bersendirian tanpa berkahwin bukanlah bererti seseorang itu akan berada dalam kesunyian. Kebahagiaan dan ketenangan hati seseorang tidak semestinya datang daripada perkahwinan. Perkahwinan bukanlah faktor utama yang menentukan

kebahagiaan dan ketenangan hidup seorang wanita kerana banyak daripada perkahwinan tidak mencapai kebahagiaan dan seringkali berakhir dengan perceraian. Dengan itu lebih baik bersendirian daripada menanggung risiko tersebut. Selain itu, perkahwinan akan membawa kepada bebanan kekeluargaan dan tekanan tanggungjawab sebagai surirumah.

Namun demikian, 92% (23 orang) dari keseluruhan responden memberi jawapan yang positif terhadap keinginan untuk berkahwin. Hanya 4% (seorang) responden yang menyatakan ia tidak ingin berkahwin dengan alasan bahawa hidup membujang adalah lebih menyenangkan daripada hidup berkeluarga yang menghadapi risiko perceraian. Manakala seorang responden (4%) masih belum mempertimbangkan persoalan ini. Keputusan untuk berkahwin adalah bergantung kepada keadaan dan faktor-faktor tertentu.

8 daripada 23 orang responden yang mempunyai keinginan berkahwin, mempunyai sikap negatif terhadap perkahwinan. Sikap negatif mereka terhadap perkahwinan yang bertentangan dengan hakikat kehidupan, mungkin digunakan sebagai alasan untuk mententeramkan diri mereka dari kemungkinan tidak dapat berkahwin satu hari kelak.

3.1.2. Adakah perkahwinan merupakan suatu eksploitasi terhadap wanita?

7 orang atau 28% responden berpendapat bahawa wanita dieksploitasikan melalui perkahwinan. 18 orang atau 72% pula menyanggah bahawa perkahwinan bukanlah satu eksploitasi terhadap wanita. Sebaliknya ia hanyalah institusi yang memberikan perlindungan kepada wanita. Berumahtangga memerlukan persefahaman antara kedua belah pihak, di samping bertolak ansur, bertimbang rasa dan juga pengorbanan. Semua keadaan ini dapat diwujudkan sekiranya antara pasangan yang berkahwin terjalin kasih sayang dan memasuki alam perkahwinan dengan penuh kesedaran terhadap tanggungjawab masing-masing.

Bagi golongan ini, dalam perkahwinan tidak timbul keadaan mementingkan diri sendiri. Kedua-dua suami dan isteri adalah berhak untuk sama-sama menikmati dan mendapat faedah daripada perkahwinan mereka, di mana tidak timbul persoalan bahawa wanita hanya menjadi alat untuk memuaskan kehendak nafsu lelaki.

Bagi 7 orang responden, perkahwinan menjadi suatu eksploitasi terhadap wanita di mana seorang wanita yang

telah berkahwin tidak mempunyai kebebasan, kerana terpaksa memenuhi kehendak dan mentaati keputusan suami. Hidup mereka terkongkong dan seolah-olah menjadi hamba kepada pihak lelaki. Ini bermakna seseorang wanita itu tidak boleh merancang dan mengatur hidupnya sendiri.

Menurut mereka lagi, wanita yang sudah berkahwin juga dibebani dengan tugas-tugas rumahtangga dan tanggungjawab yang berat terhadap suami dan anak-anak. Situasi ini menjadikan wanita sentiasa tertekan dengan kerja-kerja rumah.

Walaupun 7 orang responden ini mengatakan perkahwinan suatu eksploitasi terhadap wanita, terdapat 5 orang daripada mereka, bercadang untuk berkahwin. Kemungkinan mereka berada dalam dilema antara tanggungjawab yang berat selepas kahwin dengan perlindungan di masa depan.

### 3.1.3 Kenapa Responden Hidup Membujang?

Sebagaimana didapati, sebahagian besar daripada responden bercadang untuk berkahwin tetapi masih tidak berkahwin sehingga usia mereka telah lanjut. Daripada kenyataan ini timbul pula beberapa persoalan, iaitu

adakah terdapat faktor-faktor tertentu yang menyebabkan mereka berkahwin lambat, atau adakah mereka sememangnya melewatkan perkahwinan?

Jadual 3.1

Alasan Responden Hidup Membujang

Alasan Responden	Bil	%
1. Suka hidup membujang	1	4
2. Berserah pada takdir	14	56
3. Takut pada risiko perkahwinan	2	8
4. Belum menemui pasangan yang sesuai	3	12
5. Pengaruh daripada rakan sebaya yang belum berkahwin	1	4
6. Boleh berdikari	2	8
7. Ingin membantu keluarga	1	4
8. Kecewa dengan sikap lelaki	1	4
Jumlah	25	100

Dari jadual 3.1, seorang responden mengatakan bahawa ia merasa lebih senang dengan kehidupan membujang. Responden ini bercita-cita untuk berkahwin tetapi bukanlah pada usia 25 tahun, yang dianggapnya masih muda. Ini adalah kerana responden mahu merasai nikmat hidup dahulu dan tidak mahu terikat dengan sebarang tanggungjawab yang mengongkongnya.

14 orang (56%) responden menyerahkan jodoh mereka kepada takdir. Mereka hidup membujang kerana belum menemui jodoh. Golongan ini percaya bahawa setiap orang

telah pun ditentukan jodohnya. Konsep berserah pada takdir ini menjadi alasan kenapa mereka tidak memikirkan untuk mencari pasangan hidup.

2 orang responden (8%) pula mengatakan mereka lebih rela hidup membujang daripada menanggung risiko perkahwinan. Mereka menganggap bahawa lelaki sekarang tidak bertanggungjawab. Mereka berpendapat begitu kerana kebanyakan ahli keluarga mereka menghadapi masalah dalam perkahwinan seperti perceraian.

3 orang responden pula berkata mereka hanya akan berkahwin sekiranya menemui lelaki yang benar-benar dicintai. Responden-responden tidak akan menerima pinangan daripada lelaki yang tidak dikenali. Ini bermakna mereka hanya menerima lelaki yang mempunyai ciri-ciri yang diinginkan.

Sementara itu, seorang responden (4%) berpendapat ia tidak berkahwin kerana terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang juga masih belum berkahwin.

Kemampuan untuk menyara diri sendiri menyebabkan seramai 2 orang responden (8%) tidak mahu bergantung kepada lelaki. Walaupun responden mempunyai niat untuk berkahwin, tetapi kemampuan untuk berdikari dan

keupayaan memenuhi keperluan ekonomi menyebabkan mereka tidak bergantung kepada lelaki.

Alasan membantu keluarga dan menyara persekolahan adik menyebabkan seorang responden (4%) memendamkan niatnya untuk berkahwin. Responden ini mengambil keputusan untuk membujang selagi adiknya belum tamat persekolahan.

Terdapat seorang responden menjadikan sebab kecewa dengan sikap teman lelakinya yang berkahwin dengan gadis lain sebagai alasan untuk berkahwin lambat. Pengalaman di masa lalunya amat sukar untuk dilupakan. Responden ini juga tidak dapat menerima kenyataan bahawa bekas teman lelakinya telah menjadi milik gadis lain.

#### 3.1.4 Pendapat Responden Terhadap Imej Kendiri

Pendapat responden terhadap golongan wanita yang lewat berkahwin diambil untuk melihat pandangan mereka terhadap fenomena sosial ini. Pandangan ini mewakili pendapat responden terhadap diri mereka sebagai wanita yang lewat berkahwin. Pandangan mereka diambil juga untuk menentukan samada mereka menganggap bahawa perkahwinan lewat itu sebagai suatu yang biasa ataupun sesuatu yang bertentangan dengan nilai

dalam perkahwinan.

11 orang (44%) responden menganggap bahawa semua wanita lewat berkahwin kerana belum menemui jodoh yang sesuai. Responden beranggapan bahawa wanita lewat berkahwin kerana terlalu memilih. Terdapat faktor lain yang perlu diberi perhatian seperti faktor ekonomi yang penting untuk masa depan mereka sendiri. Seorang responden berkata,

"jodoh pertemuan, rezeki, maut telah ditentukan oleh Allah sejak dalam kandungan lagi. Manusia hanya berikhtiar. Lewat atau cepat berkahwin bukan sebagai tiket untuk kebahagiaan".

Wanita yang lewat berkahwin dikatakan bukanlah sengaja tidak mahu mendirikan rumahtangga pada usia yang muda. Sebaliknya mereka sememangnya ditakdirkan mempunyai jodoh yang 'lambat'. Ini menunjukkan mereka mahu masyarakat sedar bahawa mereka bukan sengaja tidak mahu berkahwin, kerana soal perkahwinan, Tuhan yang menentukan, ia bukanlah terletak dalam tangan mereka.

Perkahwinan lewat adalah fenomena sosial yang biasa bagi 6 orang (24%) responden pada masa kini. Pengaruh suasana sekeliling menyebabkan wanita sekarang tidak memikirkan tentang perkahwinan. Berkahwin lewat bukanlah satu kesalahan, jikalau seseorang wanita itu

tidak menimbulkan masalah dan bebanan kepada orang lain, terutama kepada wanita yang mempunyai sumber ekonomi yang kukuh serta mampu berdikari tanpa bergantung kepada orang lain.

3 orang responden pula berpendapat masyarakat sepatutnya menghormati dan tidak memandang rendah pada wanita yang lewat berkahwin kerana mereka mempunyai hak untuk menentukan kehidupan sendiri. Mereka biasanya hidup bersendirian tanpa bergantung pada ibubapa. Kadangkala mereka lebih mampu berbuat demikian jika dibandingkan dengan sesetengah lelaki.

Bagi 3 orang responden yang lain, wanita yang lewat berkahwin lebih beruntung daripada mereka yang berkahwin awal kerana tidak perlu memikirkan masalah dalam rumahtangga. Golongan yang lewat berkahwin lebih bebas hidupnya, boleh mencapai cita-cita tanpa sekatan daripada mana-mana pihak. Mereka juga boleh mengendalikan hidup dengan kehendak yang sesuai dengan diri mereka.

2 orang responden memberi jawapan bahawa wanita sekarang takut pada risiko selepas berkahwin. Mereka berpendapat bahawa lelaki sekarang tidak boleh dipercayai dan tidak bertanggungjawab. Jadi, wanita takut sekiranya tersalah pilih pasangan hidup.

Dengan itu, mereka tidak berani menghadapi perkahwinan pada usia yang muda.

Seorang responden menunjukkan reaksi yang kurang menyenangkan apabila ditanya tentang persoalan ini. Tindakbalas responden ini menunjukkan bahawa ia menganggap berkahwin lewat adalah suatu perkara yang memalukan bagi dirinya dan keluarga. Perasaan ini mungkin timbul kerana responden selalu mendapat perhatian dan umpatan masyarakat sekeliling.

### 3.1.5 Tahap Umur Yang Sesuai Untuk Wanita Berkahwin.

Seramai 6 orang (24%) responden berpendapat bahawa umur yang sesuai untuk wanita berkahwin ialah 21 hingga 24 tahun. Tahap umur ini sesuai kerana seseorang wanita itu dikatakan sudah cukup dewasa dan telah mencapai kematangan dari segi fizikal dan mental sebagai memenuhi syarat untuk jadi seorang isteri dan ibu. Pada kebiasaannya seseorang wanita akan tamat pangajiannya pada tahap umur ini dan mulai keluar mencari pekerjaan dan terdedah kepada persekitaran luar. Dengan itu, untuk mengelakkan terpengaruh dengan unsur-unsur luar yang tidak sihat dan untuk mendapatkan

jaminan perlindungan, maka ramai daripada wanita berkahwin pada tahap umur ini.

6 orang responden tersebut juga berpendapat dalam peringkat umur ini, seseorang wanita biasanya mudah mendapat pasangan kerana masih muda, menarik, segar dan bertenaga. Ciri-ciri ini sangat penting bagi seseorang wanita kerana ia mempengaruhi tahap kesuburan dan cara pengurusan rumahtangga. Wanita yang berumur mungkin menghadapi masalah menguruskan rumahtangga kerana mudah letih, terutamanya yang telah melahirkan anak di peringkat umur yang lanjut.

Bagi 14 orang (56%) responden, peringkat umur di antara 25 hingga 28 tahun dikira bersesuaian bagi seseorang wanita itu memasuki alam perkahwinan. Selain daripada mencapai tahap kematangan yang tinggi, mereka juga mudah diajak berbincang dan berfikiran terbuka kerana terdedah dengan unsur-unsur luar dari pengalaman bekerja. Wanita pada peringkat ini juga dianggap boleh menguruskan rumahtangga dengan baik dan bertanggungjawab.

Mengikut 16% (4 orang) responden, seseorang wanita layak berkahwin apabila mencapai tahap umur 29 hingga 31 tahun. Alasan yang diberikan ialah wanita pada peringkat umur ini sudah cukup matang, terutamanya

dari aspek psikologi. Pemikiran yang stabil membantu responden membuat pilihan yang baik dan tidak tergesa-gesa dalam memilih pasangan hidup. Wanita pada peringkat ini biasanya mempunyai kedudukan dan kewangan yang kukuh, boleh berdikari dan dapat merancang masa depan rumahtangga dan keluarga dengan sempurna.

Hanya seorang sahaja responden (4%) yang menyarankan agar seseorang wanita berkahwin pada tahap umur 32 hingga 35 kerana sumber ekonomi yang kukuh adalah penting bagi seseorang wanita itu sebelum memasuki alam perkahwinan. Ini adalah untuk memastikan tidak timbul masalah kewangan dalam keluarga yang boleh menjejaskan suasana rumahtangga. Faktor kewangan juga penting bagi menjamin seseorang wanita itu hidup berdikari jika terjadinya perceraian. Jadi, tahap umur tersebut dianggap paling sesuai bagi wanita menjejaskan kaki ke alam rumahtangga kerana mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang stabil, pengalaman yang luas, dan oleh itu, mampu berfikir secara bijak dalam menyelesaikan masalah rumahtangga.

### 3.1.6 Pemilihan Pasangan

64% responden (16 orang) lebih suka memilih pasangan sendiri daripada dipilih oleh ibubapa. Adalah

wajar mereka menentukan sendiri pasangan hidup kerana perkahwinan akan menentukan arah dan masa depan mereka. Perkenalan sebelum perkahwinan memberi tempoh dan peluang kepada kedua pihak berkenal-kenalan dan mengetahui lebih lanjut tentang latarbelakang satu sama lain, supaya terbentuk sikap saling memahami di antara mereka. Ini dapat membantu responden-responden menempuh alam perkahwinan dengan penuh keyakinan dan memastikan kebahagiaan dalam perkahwinan tercapai.

Sementara itu 36% responden (9 orang) berpendapat mereka akan berasa lebih yakin dengan pilihan yang dibuat oleh ibubapa. Biasanya, ibubapa dan keluarga lebih mengetahui ciri-ciri pasangan yang baik untuk anak mereka, dengan menyelidiki latarbelakang keluarga dengan terperinci. Latarbelakang keluarga pasangan perlu diperhatikan agar tidak timbul ketidaksesuaian dan tekanan dalam rumahtangga.

Pemilihan pasangan oleh ibubapa dapat menentukan terjalannya perhubungan yang baik di antara kedua keluarga. Responden-responden ini berpendapat keadaan demikian menjadikan perkahwinan lebih bahagia. Pilihan yang dibuat oleh ibubapa lazimnya adalah terdiri daripada orang yang dikenali dan mempunyai hubungan dengan mereka.

Sebilangan besar responden iaitu 92% (23 orang) mengaku bahawa ibubapa memberi kebebasan yang penuh kepada mereka untuk memilih pasangan hidup. Bagaimanapun, 7 daripada 23 orang ini lebih suka kalau ibubapa menentukan pasangan untuk mereka. Kesukaran memilih pasangan hidup dan takut timbulnya masalah bila calon suami yang dipilih tidak menjadi pilihan keluarga, telah menyebabkan responden menyerah urusan ini kepada ibubapa. Bagi mereka, persetujuan daripada semua pihak yang terlibat adalah penting untuk menjamin keharmonian dan keberkatan perkahwinan.

Manakala itu, 2 orang responden (8%) pula tidak bebas memilih pasangan hidup sendiri. Dalam kes ini, ibubapa dan keluarga memainkan peranan dalam menentukan calon pasangan responden. Mereka lebih suka ibubapa membuat pemilihan sekalipun tidak mempunyai hak untuk berbuat demikian. Selain daripada merasa terjamin, mereka juga tidak dibebani dengan tekanan mencari pasangan yang menepati kriteria-kriteria yang diinginkan. Pilihan sendiri tidak semestinya sesuai kerana semasa perkenalan seringkali terjadi kedua-dua pihak mengenyahkan kelemahan masing-masing dan lebih menonjolkan kebaikan.

Kebebasan mencari pasangan sendiri memerlukan pergaulan dan interaksi dengan pihak lelaki. Ibubapa seharusnya memberi kebebasan pada responden untuk bergaul dengan lelaki jika mereka tidak berusaha mencarikan pasangan untuk responden.

Seramai 8 orang (14%) daripada 23 orang (92%) responden yang diberi kebebasan memilih sendiri, kurang berinteraksi dengan lelaki kerana ibubapa mereka melarang berbuat demikian. Sekatan ini menyebabkan mereka sukar untuk mendapat pasangan. Bagaimanapun seorang daripada 8 responden lebih suka ibubapanya memilihkan pasangan kerana terdapat kawalan daripada keluarga untuk berinteraksi dengan lelaki. Beliau bersikap begitu kerana tidak yakin dapat memilih pasangan sendiri.

Sebaliknya, terdapat seorang responden yang tidak dilarang berinteraksi dengan lelaki tetapi pasangannya ditentukan oleh ibubapanya walaupun beliau mempunyai kebebasan bergaul dengan lelaki tetapi tidak mempunyai peluang untuk memilih calon pasangan berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki.

Ibubapa seorang responden lain melarang ia bergaul dengan lelaki dan memilih sendiri pasangannya. Secara tidak langsung ini menyebabkan peluang untuk

responden mendapatkan pasangan hidup tertutup.

68% responden memberikan jawapan bahawa ibubapa mereka tidak pernah bertanya tentang pasangan hidup dan tiada memberi tanda-tanda mencarikan pasangan untuk mereka. Ini menunjukkan ibubapa lebih cenderung memberikan kebebasan kepada responden memilih pasangan hidup mereka sendiri. Oleh itu, terdapat kurang tekanan dirasakan oleh responden untuk mencari pasangan.

8 daripada 23 orang responden yang bebas memilih pasangan sendiri memberitahu bahawa ibubapa cuba untuk mencarikan pasangan untuk mereka. Ini disebabkan ibubapa mereka beranggapan bahawa responden-responden tidak pandai mencari pasangan sendiri dan keinginan mereka untuk melihat responden-responden segera berkahwin.

Di antara cara yang dilakukan oleh ibubapa responden-responden untuk mencari pasangan mereka adalah dengan merisik atau bertanyakan kepada saudara-mara. Selain itu, cara seperti memperkenalkan atau mempertemukan lelaki kepada responden dilakukan di samping menggalakkan responden bercampur gaul atau berinteraksi dengan lelaki. Ada juga ibubapa yang cuba

menjelaskan kepada jiran dan teman-teman mereka bahawa responden dan keluarganya tidak terlalu memilih calon suami. Harapan mereka, supaya orang-orang tersebut memperkenalkan mana-mana lelaki kepada responden dan akan cuba untuk menerima bila ada pinangan untuk responden. Responden merasakan adanya tekanan daripada ibubapa untuk mereka mencari pasangan hidup apabila ibubapa sering menimbulkan pertanyaan samada mereka sudah mempunyai teman istimewa ataupun belum.

### 3.1.7 Kriteria Pasangan Yang Dipilih Oleh Responden

Secara umumnya, setiap orang mempunyai kriteria-kriteria tersendiri dalam pemilihan pasangan. Kriteria-kriteria ini penting supaya pasangan yang dipilih bersesuaian dengan kehendak diri dan keluarga masing-masing. Responden memilih pasangan mereka berdasarkan ciri-ciri luaran dan dalaman.

Salah satu ciri yang diberikan oleh responden adalah pasangan itu mestilah lebih tua daripada mereka. Lain-lain ciri yang dipertimbangkan ialah pencapaian atau kedudukan yang sama taraf atau lebih tinggi, memiliki perawakan yang menarik, aktif dalam kegiatan sosial, pegangan agama yang kuat dan dari keturunan atau bangsa yang sama.

Jadual 3.2

Kriteria utama pasangan yang dipilih  
oleh Responden

Ciri-ciri pasangan	Bil	%
1. Pegangan agama yang kuat	9	52
2. Pencapaian kedudukan yang sama taraf atau lebih tinggi	1	6
3. Umur yang lebih tua	2	12
4. Perawakan menarik	1	6
5. Aktif dalam kegiatan sosial	1	6
6. Bangsa atau keturunan yang sama	1	6
7. Penyayang dan bertanggungjawab	2	12
8. Cinta	8	32
Jumlah	25	100

Dari jadual 3.2, didapati agama menjadi ciri terpenting dalam pemilihan pasangan oleh responden. 9 orang atau 52% responden memilih pasangan yang mempunyai pegangan agama yang kuat. Ini menunjukkan responden-responden lebih menitikberatkan soal pegangan agama pasangan mereka. Menurut mereka, pegangan agama yang kuat adalah penting bagi seorang lelaki kerana ia merupakan pemimpin utama dalam rumahtangga. Suami yang beriman dapat memimpin rumahtangga ke arah kesejahteraan berlandaskan pada agama Islam. Pegangan agama yang kuat dapat membuat seseorang suami itu lebih bertanggungjawab kepada keluarganya.

Umur yang lebih tua menjadi pilihan bagi 2 orang atau 12% responden dalam memilih pasangan. Rata-rata responden memberi jawapan bahawa lelaki yang lebih tua akan berfikiran matang kerana pihak lelaki mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan memimpin rumahtangga. Proses kematangan wanita lebih cepat berbanding dengan lelaki. Dari itu, lelaki yang lebih tua dijangka mempunyai minat dan taraf pemikiran yang selaras di antara kedua-dua pihak. Jadi, responden-responden rasa lebih yakin dan terjamin dengan kebolehan lelaki yang lebih tua untuk menjaga mereka dan keluarga serta memikul tanggungjawab rumahtangga.

Seorang responden (6%) meletakkan pencapaian atau kedudukan yang lebih tinggi daripada pasangannya. Pencapaian pendidikan dan ekonomi yang tinggi merupakan satu jaminan kehidupan bagi responden. Keupayaan ekonomi lelaki penting untuk mengelakkan rasa rendah diri isterinya. Responden ini berpendapat, masalah akan timbul sekiranya isteri berpendapatan lebih tinggi dari suami di mana isteri bukan sahaja mengendalikan kerja-kerja rumah, bahkan terpaksa menyelesaikan masalah bebanan kewangan rumahtangga.

Pasangan yang aktif dalam kegiatan sosial menjadi pilihan seorang responden (6%) yang memungkinkan pasangannya mudah bergaul dan pandai berkomunikasi.

Dalam hal ini, responden lebih cenderung untuk memilih pasangan yang tidak sombong dan pandai menyesuaikan diri dengan apa jua keadaan.

Seorang responden (6%) yang lain pula mahukan pasangannya yang sebangsa dengannya. Pasangan dari bangsa yang lain akan sukar untuk menyesuaikan diri dengan keluarganya.

Sementara itu, bagi 2 orang responden (12%), ciri-ciri luaran (fizikal) adalah tidak penting. Sebaliknya, mereka lebih mementingkan ciri-ciri dalaman seperti sifat penyayang dan bertanggungjawab. sifat-sifat seperti ini perlu bagi menjamin keharmonian dan kebahagiaan dalam rumahtangga.

Kesemua 17 orang responden ini lebih menitikberatkan kriteria-kriteria pasangan yang diinginkan daripada faktor cinta. Mereka berpendapat begitu kerana cinta seringkali mengaburi ciri-ciri pemilihan jodoh yang diidamkan oleh seseorang. Sewaktu bercinta, keburukan peribadi masing-masing dipendamkan sahaja tanpa dibincangkan. Akibatnya, keburukan masing-masing akan dibangkitkan bila berlaku perselisihan faham di antara mereka selepas mendirikan

rumahtangga. Responden-responden juga memberi alasan bahawa perasaan "cinta" boleh wujud jika pasangan yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang diinginkan.

Baقي 8 responden yang lain pula, faktor cinta adalah penting daripada memilih kriteria-kriteria pasangan yang diinginkan. Menurut mereka, apabila satu pasangan saling menyintai, mereka patut sanggup menghadapi dan mengatasi segala halangan dan kelemahan masing-masing supaya matlamat perkahwinan dapat dicapai.

### 3.2 Pandangan Masyarakat Terhadap Nilai Dan Jangkaan Perkahwinan.

#### 3.2.1 Nilai Perkahwinan.

Masyarakat umum juga berbeza pendapat samada seseorang wanita itu mesti berkahwin ataupun tidak.

36% masyarakat umum yang ditemubual menyatakan bahawa seseorang wanita itu mesti berkahwin supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan. Mengikut pandangan mereka, fungsi perkahwinan yang sebenarnya ialah untuk membentuk satu hubungan yang sihat dari segi zahir dan batin di antara lelaki dan perempuan. Perkahwinan merupakan satu cara untuk

memenuhi tuntutan fitrah semulajadi dan naluri manusia tanpa melanqqar batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Oleh kerana itu perkahwinan penting bagi seseorang itu untuk mengelakkan daripada kecenderungan melakukan perkara-perkara maksiat.

Baqi 86% masyarakat umum ini, wanita yang telah berkahwin akan terlepas daripada pandangan serong masyarakat. Oleh kerana hampir keseluruhan masyarakat umum bersependapat bahawa setiap wanita mesti berkahwin, maka sekiranya seseorang wanita itu tidak berkahwin, akan menimbulkan tanggapan-tanggapan negatif yang tidak menyenangkan. Melalui perkahwinan, ketenangan fikiran dan perasaan dapat dicapai dalam kehidupan seorang wanita. Anak dan suami dapat dijadikan tempat untuk mencurahkan kasih sayang.

Menurut mereka lagi, wanita yang berkahwin rasa lebih terjamin masa depannya. Anak yang dikurniakan oleh Allah kepadanya dapat dijadikan sebagai tempat sandaran dan melanjutkan keturunan. Biasanya, anak menjadi 'harta' yang bernilai bila dewasa kelak dan diharapkan dapat memberikan saraan hidup di hari tua.

14% (4 orang) masyarakat umum yang ditemui bersikap liberal terhadap persoalan perkahwinan wanita, di mana setiap wanita tidak semestinya berkahwin.

Mereka percaya pada konsep jodoh di tangan Tuhan. Seseorang wanita itu hanya boleh berikhtiar. Ini bermakna wanita tidak seharusnya digesa berkahwin jikalau belum mendapat pasangan yang benar-benar sesuai dengannya.

Sebelum mengambil keputusan untuk berkahwin, beberapa faktor perlu diambilkira seperti ekonomi, status hidup dan status sosial (Buletin Keluarga, LPPKN :Jul-Sept, 1989). Dalam hal ini, sekiranya seseorang wanita itu mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh dan boleh berdikari, perkahwinan tidak lagi menjadi penting kerana ia dapat memenuhi keperluan hidup tanpa melalui perkahwinan. Perkahwinan bukanlah suatu yang boleh dipaksa, dan wanita berhak menentukan kehidupan mereka sendiri. (Majalah Muslimah, Disember 1991).

### 3.2.2 Andaian Masyarakat Terhadap Wanita Yang Lewat Berkahwin.

Pandangan masyarakat terhadap golongan yang dikaji diambil untuk menilai bagaimana masyarakat melihat golongan yang lewat berkahwin. Pandangan ini digunakan untuk membandingkan samada anggapan masyarakat terhadap golongan yang lewat berkahwin ini menepati faktor-faktor yang berhubungkait dengan sebab-sebab responden lambat berkahwin. Pandangan ini juga

dapat menentukan samada masyarakat memandang golongan ini secara positif atau negatif.

Jadual 3.3

Pandangan Masyarakat Terhadap Wanita Yang Lewat Berkahwin.

Pandangan Masyarakat	Bil	%
1. Terlalu pentingkan kerjaya	12	41
2. Terlalu memilih	8	28
3. Berperawakan tidak menarik	2	7
4. Kurang bergaul dengan lelaki	6	21
5. Belum mendapat jodoh yang sesuai	1	3
Jumlah	29	100

Berbagai-bagai sikap ditunjukkan oleh masyarakat yang ditemubual terhadap wanita yang lewat berkahwin. (Rujuk jadual 3.3). Rata-ratanya masyarakat menganggap wanita lewat berkahwin kerana terlalu mementingkan kerjaya. Wanita yang termasuk dalam kategori ini biasanya mendapat pendidikan yang tinggi dan menjawat pekerjaan yang baik. Mereka selalunya menumpukan sepenuh masa dan perhatian kepada kerjaya dan pelajaran dan tidak memikirkan soal perkahwinan. Untuk sampai kepada tahap pembelajaran dan kerjaya yang diingini, ia mengambil masa yang lama. Tanpa disedari usia mereka semakin meningkat dan peluang untuk

berumahtangga pun menjadi bertambah kecil.

Dari kaca mata masyarakat, perkahwinan bukan merupakan institusi yang mengikat seseorang wanita untuk berjaya dalam kerjaya. Semuanya terpulang kepada kebijaksanaan wanita itu sendiri mengurus masa dengan baik. Jadi, seseorang wanita itu tidak seharusnya memberikan alasan perkahwinan sebagai faktor yang menghalang mereka dari berjaya dalam kerjaya, pelajaran dan kedudukan tinggi yang dicapai oleh mereka tidak akan memberi makna kalau hidup tanpa mendapat kasih sayang dari seorang suami.

Sebab lain yang diberikan oleh masyarakat adalah sifat pemilih wanita yang mengakibatkan mereka gagal mendapatkan pasangan. Sikap ini berpunca daripada wanita itu sendiri yang sukar untuk menerima lelaki yang tidak memenuhi kriteria yang diinginkannya.

21% masyarakat yang ditemubual mengatakan seseorang wanita yang lewat berkahwin adalah disebabkan mereka kurang bergaul dengan lelaki, terutamanya bagi wanita yang tidak bekerja yang menghabiskan sebahagian besar masa di rumah. Golongan ini biasa dikaitkan dengan perawakan yang kurang menarik. Oleh itu, mereka kurang mendapat perhatian lelaki.

Hanya 3% sahaja masyarakat yang memandang golongan yang lewat berkahwin secara positif. Menurut mereka, tidak semua wanita yang lewat berkahwin memiliki ciri-ciri yang negatif sahaja. Mungkin mereka belum menemui jodoh yang sesuai. Dengan kata lain golongan masyarakat ini memegang pada konsep 'jodoh pertemuan' yang ditentukan oleh Allah s.w.t.

### 3.2.3 Tahap Umur Yang Sesuai Untuk Wanita Berkahwin.

Separuh daripada masyarakat iaitu 56% mengatakan tahap umur yang paling sesuai untuk seseorang itu mendirikan rumahtangga ialah di dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun. Tahap umur yang diberikan oleh masyarakat ini berbeza daripada tahap umur yang sesuai untuk berkahwin yang diberikan oleh responden, iaitu setahun lebih muda (tahap umur yang diberikan oleh responden ialah 21 tahun).

56% daripada masyarakat ini berpendapat bahawa wanita pada tahap ini dikira sudah mempunyai kematangan dan dapat menilai dan membuat keputusan yang betul untuk diri dan rumahtangganya. Pada tahap ini juga seorang wanita itu dikira sudahpun memenuhi syarat-syarat untuk menjadi isteri dan ibu berdasarkan keadaan fizikal dan mental mereka. Masyarakat berpendapat gadis

yang umur di awal 20an akan mudah terdedah kepada gejala-gejala yang kurang sihat. Maka seseorang wanita, itu seelok-eloknya berkahwin untuk mengelakkan terjadinya perkara-perkara yang tidak baik.

41% masyarakat yang ditemubual pula beranggapan bahawa wanita lebih sesuai berkahwin ketika umur sudah menjangkau ke 25 tahun hingga 28 tahun. Pada tahap umur ini, seseorang wanita sudah cukup matang dan lebih sabar serta berupaya menghadapi masalah dalam rumahtangga.

Hanya 3% sahaja daripada responden masyarakat yang menganggap bahawa seseorang wanita itu boleh berkahwin walaupun sudah berumur 28 tahun ke atas. Wanita dalam lingkungan umur ini dianggap telah benar-benar bersedia untuk menjejakkan kaki ke alam perkahwinan. Mereka lebih terdedah kepada pengalaman luar dan memahami aspek-aspek kekeluargaan dengan lebih mendalam. Selain daripada itu, kedudukan ekonomi wanita pada tahap ini juga telah kukuh. Justeru itu mereka boleh menghadapi perkahwinan dengan lebih terjamin tanpa bebanan kewangan.

3.2.4 Pengaruh Umur Dan Kedudukan Sosial-Ekonomi Dalam Pemilihan Pasangan.

Sebanyak 73% daripada masyarakat umum yang ditemubual berpendapat bahawa umur dan kedudukan ekonomi adalah pengaruh yang penting dalam pemilihan pasangan. 14% masyarakat setuju bahawa wanita mesti berkahwin dengan pasangan yang lebih tua daripada mereka. Alasan mereka ialah perempuan lebih cepat matang daripada lelaki. Oleh kerana itu, seseorang wanita mesti berkahwin dengan lelaki yang lebih tua daripadanya supaya dapat mengimbangkan kedudukan fizikal dan mental apabila sudah tua nanti. Suami yang lebih tua dipercayai dapat menjalankan tanggungjawabnya melindungi isteri dan keluarga.

Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa kedudukan ekonomi suami yang tinggi penting untuk diambilkira kerana ia dapat menjamin masa depan seseorang wanita. Jaminan ekonomi mempunyai hubungan dengan kedudukan dan status sosial isterinya dari pandangan masyarakat setempat.

52% masyarakat umum tidak setuju bahawa umur memainkan peranan yang penting dalam pemilihan pasangan. Faktor umur sebenarnya bukan penghalang kepada pembentukan sebuah keluarga yang bahagia.

Semuanya bergantung kepada persefahaman antara kedua belah pihak. Menurut mereka lagi, wanita tidak perlu berkahwin dengan lelaki yang mempunyai kedudukan ekonomi yang tinggi kerana wanita juga dapat memainkan peranan dalam menentukan kedudukan ekonomi keluarga. Tanggungjawab ini tidak sepatutnya dibebankan kepada pihak lelaki kerana wanita juga bertanggungjawab menentukan taraf ekonomi keluarga.

Responden masyarakat juga mempunyai pendapat yang berbeza apabila ditanya samada wanita yang berpendidikan tinggi sukar mencari pasangan. 59% percaya bahawa pendidikan tinggi menghalang seseorang wanita itu mendapat pasangan hidup. Bagi 41% masyarakat, pendidikan tinggi tidak boleh dijadikan alasan untuk wanita mencari jodoh yang sesuai.

Hujah yang diberikan oleh golongan 59% ini adalah lelaki akan merasa rendah diri sekiranya seseorang wanita itu mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi daripadanya. Ini membuatkan lelaki merasa takut untuk meminang wanita-wanita ini.

Bagaimanapun 41% masyarakat memberi alasan bahawa seseorang wanita yang berpendidikan tinggi tidak sukar untuk mencari jodoh kerana mereka lebih banyak bergaul